

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 25 Jamadilakhir 1439/13 Mac 2018****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang ketujuh Selasa, 25 Jamadilakhir 1439 bersamaan 13 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat keizinan-Nya, jua kita dapat lagi pada pagi ini bersama-sama berkumpul untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang pada hari ini telah masuk hari ketujuh. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang kita adakan pada pagi ini memasuki hari ketujuh kita bermesyuarat. Di hadapan kita masih

lagi banyak perkara yang perlu kita tunduki dan selesaikan. Ini termasuklah satu Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Sebelum kita menyambung semula, sebagaimana biasa paginya Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan. Saya persilakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola untuk memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebanyak 2 perintah sebagai tambahan kepada perintah-perintah yang telah awal dikelilingkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No.1 Tahun 2018 iaitu di bawah Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2017 menurut Fasa 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah tersebut adalah:

1. Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah 2018, *Syariah Code Criminal Procedure, Code Order* 2018; dan
2. Perintah Hibah 2018, *Hibah Order* 2018.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan bahawa sebanyak 2 perintah tambahan akan dibentangkan di bawah Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2017 menurut Fasa 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Maka saya izinkan Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri untuk membentangkan sebanyak 2 perintah tambahan iaitu Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah 2018 *Syariah Code Criminal Procedure, Code Order* 2018 dan Perintah Hibah 2018, *Hibah Order* 2018.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bolehlah berpindah semula dan seterusnya kepada Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Sehingga hari ini kita telah menyelesaikan sebanyak 18 buah Soalan Yang Diberi Notis yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan tersebut telah dijawab secara lisan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekarang kita beredar ke soalan seterusnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Perkara V – Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No.14 Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan mengajukan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis kepada Menteri Kesihatan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin terhadap kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk mereka yang tinggal di pedalaman dengan menyediakan klinik-klinik kesihatan di daerah-daerah. Kerajaan juga pada masa yang lampau menggunakan pesawat helikopter yang dipanggil *flying doctor* untuk melawat serta merawat penduduk di pedalaman yang tidak dapat didatangi dengan kenderaan.

Tetapi mulai tahun lepas banyak klinik di pedalaman telah ditutup dan perkhidmatan-perkhidmatannya dipusatkan di bandar-bandar dan hospital daerah-daerah. Mungkin tujuan dan niatnya baik kerana dengan memusatkan segala perkhidmatan itu akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dengan adanya pakar-pakar di satu tempat di samping menjimatkan perbelanjaan.

Tetapi sebaliknya ia menyusahkan orang ramai terutama sekali mereka yang tinggal di pedalaman. Mereka terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan rawatan di hospital bandar atau daerah-daerah ditambah lagi dengan keadaan pesakit yang ramai

akan mengambil masa untuk menunggu giliran.

Kemampuan penduduk sama ada dari segi material atau fizikal berbeza-beza. Ada yang mampu kerana mempunyai kenderaan sendiri, bagi warga emas yang tidak berkemampuan berjalan jauh dan menunggu giliran yang memakan masa itu menjadi bebanan kepada mereka.

Soalan kaola:

1. Adakah cadangan untuk mengadakan Doktor Pakar Telinga, Gigi dan Pakar Mata secara tetap bagi hospital-hospital Daerah Tutong, Kuala Belait dan Temburong?; dan
2. Adakah cadangan kementerian berkenaan untuk mengadakan semula klinik-klinik di pedalaman yang sudah ditutup termasuklah juga Doktor Pakar Pergigian? Kerana pada masa ini sudah berlaku pesakit terlalu lama menunggu giliran dan ada antaranya terpaksa berulang alik kerana belum selesai sehingga menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan bayaran.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. *السلام عليكم ورحمة الله وبركاته* dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan-soalan yang dikemukakan. Pada menjawabnya, Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan pakar termasuk pakar *Otorinolaringologi (ORL)* di hospital-hospital di Daerah Tutong, Belait dan Temburong. Perkhidmatan pakar tersebut dilaksanakan secara tetap mengikut jadual-jadual tertentu yang mengambil kira:

- i. Jenis-jenis kes yang dihadapi oleh pesakit;
- ii. Kemudahan infrastruktur;
- iii. Peralatan perubatan yang bersedia di setiap hospital;
- iv. Penilaian keseluruhan *workload*.; dan
- v. Jumlah kes rujukan yang memerlukan rawatan lanjut.

Pada masa ini, kekerapan klinik perkhidmatan pakar dilakukan contohnya secara mingguan, sebulan dua kali atau sebulan sekali itu adalah mengikut keperluan semasa para pesakit berpandukan kepada pemantauan statistik-statistik bulanan dan tahunan jumlah kehadiran para pesakit. Perkhidmatan ini akan ditambah setelah terdapat peningkatan pada keperluan pesakit.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha merupakan hospital *tertiary* yang

komprehensif dan lengkap dan mempunyai kepakaran-kepakaran dari pelbagai disiplin yang berkebolehan dan mana-mana kes yang memerlukan rujukan dari hospital-hospital daerah akan tertumpu kepada hospital berkenaan.

Manakala, bagi perkhidmatan Pakar Pergigian, Pakar-Pakar Pergigian pelbagai disiplin ada ditempatkan sama ada secara sepenuh masa mahupun secara berjadual tertakluk kepada keperluan. Dua (2) orang Pakar Pergigian ditempatkan sepenuh masa di Daerah Belait iaitu Pakar Bedah Gigi dan Pakar Ortodontik.

Manakala seorang Pakar Gigi Pediatrik ditempatkan sepenuh masa di Daerah Tutong dan tidak ada Pakar Pergigian ditempatkan sepenuh masa di daerah Temburong. Perkhidmatan pakar pergigian dalam disiplin lain diberikan secara berjadual di setiap hospital daerah seperti Pakar Gigi pediatrik dua kali seminggu dan Pakar Prostodontik seminggu sekali di Hospital Suri Seri Begawan Belait, dan Pakar Bedah Gigi sebulan sekali di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam Temburong.

Keperluan secara keberkesanan perkhidmatan pakar yang diberikan di seluruh daerah akan sentiasa diteliti dari masa ke masa bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah selaras dengan perkembangan atau *trend* penyakit yang berkaitan dengan

skop atau tahap keperluan rawatan untuk pesakit. Ketersediaan (*availability*) pakar, perancangan kemudahan infrastruktur terdapatnya peralatan perubatan di hospital berkenaan dan ketersediaan perkhidmatan *supportive*.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan dengan klinik-klinik di pedalaman. Pihak Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan pada masa ini menyediakan perkhidmatan klinik bergerak ke kampung-kampung di pedalaman melalui 2 kaedah:

1. Perkhidmatan Perubatan Terbang (*Flying Medical Services*) ke Kampung-Kampung Sukang dan Melilas; dan
2. Perkhidmatan klinik bergerak melalui jalan raya ke Kampung-Kampung Supon, Mapol, Buau dan Labi.

Pada masa ini, perkhidmatan *Flying Medical Service* telah disediakan sebulan sekali untuk Kampung Sukang dan Melilas. Ia diberikan oleh seorang Pegawai Perubatan Penjagaan Kesihatan Asasi, seorang Jururawat dan seorang Pegawai Farmasi atau Tukang Ubat dan Doktor Mata (secara berkala).

Manakala itu, perkhidmatan klinik bergerak (*travelling clinic*) yang menggunakan kenderaan pacuan 4 roda (*4WD*) diberikan ke kampung-kampung Supon dan Mapol di Daerah Tutong dan kampung-kampung Buau dan Labi di daerah Belait. Perkhidmatan klinik bergerak ke Kampung Buau dan Labi diberikan dua bulan sekali.

Sementara itu, perkhidmatan klinik bergerak di daerah Tutong iaitu Mapol dan Supon telah ditangguhkan buat sementara waktu semenjak bulan Februari 2017 disebabkan oleh cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkhidmatan klinik bergerak tersebut terutama sekali ke kampung-kampung Mapol dan Supon akan dimulakan semula dalam masa yang terdekat. Namun begitu, Kementerian Kesihatan menggalakkan para penduduk untuk pergi ke hospital atau pusat kesihatan yang berdekatan bagi mendapatkan rawatan kesihatan yang lebih menyeluruh dan lengkap.

Sementara itu, perkhidmatan pergigian telah menghentikan perkhidmatan di klinik-klinik pedalaman sejak tahun 2013 disebabkan oleh jumlah pesakit terlalu sedikit iaitu hanya 15 orang pesakit keseluruhannya dirawat sepanjang tahun 2012 dan rawatan yang diberikan adalah terhad iaitu cuma cabutan gigi dan tampalan sementara sahaja kerana tidak ada kerusi khas atau *dental chair* dan peralatan khusus di klinik-klinik pedalaman.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perkhidmatan Pergigian akan sentiasa meneliti dan mereviu mengenai keperluan perkhidmatan pergigian untuk seluruh rakyat dan penduduk dan akan memulakan semula perkhidmatan *flying dental service* ke klinik-klinik pedalaman bermula bulan April 2018, إِنْ شَاءَ اللَّهُ



Bagi perkhidmatan klinik bergerak pula, perkhidmatan ini menghadapi berbagai-bagai cabaran. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran tersebut **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dapat ditangani. Dengan perkembangan infrastruktur jalan raya ke Kampung Melabau, Rampai, Supon dan Mapol serta perkembangan perkhidmatan di pusat-pusat kesihatan di kawasan tadahan masing-masing aksesibiliti penduduk kampung adalah lebih baik dan mudah untuk datang ke pusat-pusat kesihatan yang berdekatan seperti Pusat Kesihatan Lamunin.

Pusat kesihatan ini mempunyai rekod perkhidmatan melalui *Bru-Hims*, kelengkapan serta perkhidmatan yang lebih baik dan teratur dan ubat-ubatan serta perkhidmatan doktor termasuk pergigian setiap hari.

Untuk makluman pusat-pusat kesihatan di Daerah Tutong dan Belait pada lazimnya mempunyai dua sistem untuk pesakit menerima rawatan iaitu sama ada melalui sistem perjanjian iaitu pesakit bolehlah menelefon lebih awal untuk tarikh dan masa perjumpaan ataupun pesakit bolehlah datang terus tanpa perjanjian untuk menerima rawatan mengikut giliran.

Seterusnya, jika pesakit perlu menjalani ujian lanjutan seperti ujian darah dan air kencing, maka mereka akan diberikan perjanjian seterusnya pada hari dan waktu yang lain setelah keputusan ujian tersebut siap.

Bagi pesakit yang di bawah jagaan klinik penyakit kronik pula pesakit biasanya

diberikan perjanjian seterusnya dalam masa beberapa bulan tertakluk kepada status penyakit pesakit tersebut.

Pusat-pusat kesihatan Daerah Tutong dan Belait akan memberi keutamaan mengikut situasi untuk menangani waktu masa menunggu giliran pesakit-pesakit dari kawasan pedalaman. Pihak Jabatan Perkhidmatan Kesihatan akan sentiasa memantau keperluan dan kekerapan bagi perkhidmatan klinik bergerak dan *Flying Medical Service* ini dari masa ke semasa dan akan meneruskan usaha dalam memberikan pengetahuan mengenai cara-cara menangani penyakit-penyakit ringan seperti demam, batuk, selesema, cirit-birit, sakit perut dan sebagainya kepada penduduk-penduduk di sana serta memberikan pengetahuan mengenai cara-cara betul menyimpan ubat-ubatan.

Selain itu juga, pihak kementerian akan meneruskan usaha dalam memberikan latihan atau *refresher course* kepada pegawai dan kakitangan yang ada di kawasan setempat mengenai *First Aid* sementara menunggu ketibaan Pasukan Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (*EMAS*).

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Soalan seterusnya, Soalan Jawab Mulut No. 15 daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pelaburan dalam kesihatan bukan sahaja penting untuk setiap individu. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa persediaan awal bagi kanak-kanak menghasilkan keuntungan jangka panjang apabila mereka mengembangkan kapasiti pembelajaran mereka.

Begitu juga pendekatan dan tabiat kesihatan awal. Dengan tenaga pekerja yang sihat, pemaksimuman sumber tenaga manusia negara sebagai penyambung kepada ekonomi adalah penting. Soalan saya ialah:

Apakah faktor-faktor yang menghalang atau cabaran yang dihadapi negara dalam memerangi kebangkitan *NCD* (penyakit yang tidak berjangkit)? dan Mengapakah adanya penurunan dalam keberkesannya? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola membahaskan lebih dahulu soalan mengapakah adanya penurunan dalam keberkesanan.

Kementerian Kesihatan telah melaksanakan secara berterusan usaha-usaha serta inisiatif-inisiatif untuk menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit atau *NCD* dari terus menular berpandukan kepada pelan tindakan dalam *Brunei Darussalam National*

*Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases secara singkatnya (BruMAP-NCD) 2013/2018.* kita mendapati menurut pemantauan usaha pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit negara kita berada dalam arah tuju yang positif dalam membanteras penyakit-penyakit tidak berjangkit dengan mengikuti langkah-langkah yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *WHO*.

Langkah-langkah yang dipraktikkan adalah pendekatan *best buy*. Ia telah diuji dan berkesan dan menunjukkan hasil yang memuaskan dalam pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit serta menghentikan trend *NCD* daripada terus meningkat.

Dari hasil Kaji Selidik Kesihatan yang pernah dibuat di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan peningkatan pada kegiatan aktiviti fizikal. Kadar peratus kurangnya kegiatan aktiviti fizikal dalam kalangan orang dewasa telah menurun daripada 36% ke 25%. Aktiviti riadah Bandarku Ceria dan Mukim Sihat telah dapat memupuk sikap dan kesedaran positif untuk membuat kegiatan aktiviti fizikal.

Manakala *prevalence* bagi obesiti dan merokok atau penggunaan tembakau, kadar *prevalence* adalah tahap yang stabil dalam tempoh 5 tahun kebelakangan tanpa sebarang kenaikan yang signifikan. Ini selaras dengan sasaran *Global NCD* Pertubuhan

Kesihatan Sedunia iaitu tiada kenaikan peratusan bagi penyakit diabetis dan obesiti.

Salah satu sasaran daripada agenda *2030 Sustainable Development Goals* adalah untuk mencapai kesihatan dan kesejahteraan bagi orang ramai melalui pengurangan kematian pramatang (*prematured death*) akibat *NCD*.

Ini bermaksud mengurangkan kematian akibat *NCD* di dalam kalangan orang yang berumur 30 ke 70 tahun di Negara Brunei Darussalam. Risiko kematian pramatang akibat *NCD* yang utama adalah 17% pada tahun 2009 untuk warganegara dan penduduk tetap dan telah menunjukkan pengurangan kepada 14% pada tahun 2016. Pengurangan ini menunjukkan impak yang positif.

Di samping mengukur sasaran *NCD*, tidak kurang pentingnya juga bagi sektor kesihatan untuk memantau indikator kemajuan pelaksanaan sama ada kita telah melaksanakan apa yang dirancang untuk membanteras penyakit-penyakit tidak berjangkit dalam waktu yang ditetapkan.

الحمد لله buat masa ini Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian 9 daripada 10 indikator kemajuan (*progress indicators*) bagi usaha untuk mencegah dan mengawal *NCD* mengikut laporan dari *WHO NCD Progress Report 2017*.

Ini termasuk menetapkan sasaran *NCD SMART*, memiliki *NCD mortality database* yang tepat, menjalankan

kaji selidik faktor *NCD*, menubuhkan Pelan Tindakan Multisektoral *NCD* Kebangsaan, melaksanakan langkah-langkah utama pengurangan merokok serta pengambilan alkohol, langkah mengurangkan pemakanan yang tidak sihat, meningkatkan aktiviti fizikal, mewujudkan garis panduan pengurusan klinikal untuk *NCD* dan kemudahan perubatan untuk kumpulan yang berisiko.

Menurut *WHO NCD's Progress Monitoring Report 2017*, Negara Brunei Darussalam adalah dalam kalangan negara-negara serantau yang memperolehi pencapaian yang tertinggi.

Dengan penerangan dan data-data yang baharu dibentangkan ini, saya berharap Yang Berhormat bersetuju dan berpuas hati bahawa sebenarnya tidak ada penurunan dalam keberkesanan usaha kita dalam membanteras *NCD*.

إن شاء الله kementerian ini akan berusaha lebih keras meningkatkan pengawalan penyakit tidak berjangkit ini bukan sahaja di peringkat umur tua malahan dari awal lagi melalui pendidikan asasi di peringkat kecil lagi menggunakan kaedah penglibatan multisektoral.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, memang terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam memerangi *NCD*.

Pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan dalam mengatasi cabaran-cabaran itu.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengamalkan *Health in All Policies* dengan program-program pencegahan serta pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah menjadi keutamaan. Justeru, dalam menangani isu *NCD*, kita perlu melihat dalam 2 sudut iaitu Isu Klinikal dan Bukan Klinikal.

1. Isu Klinikal yang dikendalikan oleh kementerian untuk memperbaiki kesihatan melalui peningkatan penjagaan yang berterusan bagi penyakit-penyakit yang tidak berjangkit:

i. Kementerian Kesihatan telah berbelanja sebanyak \$28 juta dari kira-kira \$46 juta perbelanjaan bagi pembelian ubat dalam Tahun Kewangan 2016/2017 yang dianggarkan kira-kira 60% dari keseluruhan perbelanjaan ubat-ubatan. Perbelanjaan ini dijangka akan meningkat jika bertambah jumlah pesakit *NCD* atau seorang pesakit mempunyai pelbagai penyakit *NCD* misalnya darah tinggi, kencing manis dan penyakit jantung. Ini bermakna pesakit itu akan memerlukan pelbagai ubat (*polypharmacy*);

ii. Cabaran yang dihadapi dalam pemberian ubat-ubatan kepada pesakit *NCD* adalah kepatuhan pesakit dalam pengambilan ubat-ubatan yang diberikan dengan teratur seperti yang disarankan.

Dari jumlah ubat-ubatan yang dikembalikan oleh pesakit ke farmasi di seluruh negara pada tahun 2017 berjumlah \$281,799.00, satu petanda yang sebahagian pesakit-pesakit tidak mengambil ubat seperti yang diarahkan;

iii. Kepatuhan pesakit terhadap rawatan ubat juga berkemungkinan berkaitan dengan status literasi kesihatan (*health literacy*) individu berkenaan. Bagi pesakit yang memahami akan risiko terhadap penyakit dan kebaikan rawatan yang diberikan akan mematuhi pengambilan ubat-ubatan secara betul dan lebih teratur seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan;

iv. Dalam menangani bilangan pesakit *NCD* yang meliputi semua peringkat umur, Kementerian Kesihatan juga memerlukan peningkatan bilangan kakitangan yang mempunyai kepakaran dalam menangani isu-isu penyakit yang tidak berjangkit. Ini termasuklah pakar-pakar perubatan dalam kalangan anak tempatan dan kakitangan luar negeri; dan

v. Pihak kerajaan juga telah banyak membelanjakan dalam pendidikan berhubung *NCD* bukan sahaja di hospital dan klinik kesihatan, malahan di

sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, kampung-kampung dan di mana sahaja yang kakitangan kementerian ini boleh menyampaikan perlunya mengelakkan penyakit tidak berjangkit.

2. Isu Bukan Klinikal. Cabaran yang paling susah untuk diatasi ialah mengubah tingkah laku dan *mindset* orang ramai ke arah amalan cara hidup sihat. Kita mestilah berkesanggupan untuk membuat pilihan terhadap pemakanan dan cara hidup supaya ia dapat mempengaruhi tingkah laku (*behaviour*) dan *mindset* kita, anak-anak kita, keluarga kita, rakan-rakan sekeliling dan komuniti kita sehingga menghidupkan prasarana yang kondusif ke arah cara hidup sihat.

Semuanya itu mestilah bermula dari kemahuan diri kita sendiri untuk terus sihat dengan rajin bersenam dan mendisiplinkan diri memakan makanan minuman yang sihat. Semua orang percaya pencegahan itu lebih baik daripada rawatan.

Kita juga sedar bahawa sebaik manapun usaha kerajaan dan sebanyak manapun peruntukan yang diperuntukkan bagi menangani penyakit tidak berjangkit itu, faktor yang paling utama dalam pengawalan penyakit-penyakit berkenaan ialah dengan mengamalkan cara hidup sihat yang memerlukan dasar awam dan persekitaran yang mendorong dan menyokong pencegahan dan pengawalan *NCD's*.

Mari kita hayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Raya 1438/2017 "*Mahasabah kita berhari raya beta ingin berpesan dua perkara:*

1. Betapa perlunya kita menjaga kesihatan; dan
2. Diperlukan juga untuk mengawal perbelanjaan."

Ketika musim puasa sistem makan minum kita adalah terkawal dan ini tentu sahaja baik untuk kesihatan, tetapi apabila menjelang bulan Syawal sistem itu mungkin berubah dan sekali gus membawa impak sebaliknya. Oleh itu, situasi ini mewajarkan kita supaya bersikap terus sederhana apabila memilih dan mengambil makanan sebagai langkah atau cara kita memelihara kesihatan. Negara boleh sahaja kekal maju dan malah kuat apabila warganya sihat."

Memanglah betul dan tepat apa yang dititahkan oleh baginda itu yang mengajak kita semua kepada perubahan tingkah laku dan *mindset* dan membuat pilihan cara memelihara kesihatan.

Namun kita sentiasa berhadapan dengan cabaran sosial budaya dan sosioekonomi yang lebih menjurus kepada amalan cara hidup yang tidak sihat seperti budaya pemakanan yang lebih gemar kepada makanan yang tinggi lemak, tinggi gula dan tinggi garam serta tabiat merokok.

Persaingan yang kuat dari industri pemakanan dan tembakau dalam pemasaran dan pengiklanan produk masing-masing boleh menenggelamkan kepentingan dan merumitkan amalan cara hidup sihat.

Berkenaan dengan rokok, bilangan perokok di negara ini merokok pada kadar yang kerap ialah kira-kira 20% daripada keseluruhan penduduk atau 1 antara 5 dari kita. Walhal rokok-rokok tidak lagi dijual di kedai-kedai negara kita.

Jumlah ini sangat membimbangkan dan mendukacitakan memandangkan perokok adalah golongan yang mempunyai risiko paling tinggi menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, diabetes, penyakit cardiovascular seperti strok dan penyakit-penyakit yang mengakibatkan oleh tekanan darah tinggi.

Oleh itu, pencegahan dan pengawalan *NCD's* memerlukan kerjasama dari pelbagai sektor seperti pemakanan, perdagangan, pendidikan, pengangkutan, pembangunan infrastruktur, kewangan, pertanian dan perkhidmatan sosial yang bersepadu secara menyeluruh sama ada dari sektor kerajaan dan swasta, mahupun pihak berkepentingan yang lain yang berkaitan. Pendeknya, kesihatan itu tanggungjawab semua, *'health is everyone business'*.

Perkembangan kemajuan dalam sistem penjagaan kesihatan membolehkan

pengesanan awal *NCD's* bagi pesakit untuk mendapatkan rawatan secara cepat dan komprehensif, namun pengawalan rapi tersebut memerlukan pesakit supaya arif dalam hal-ehwal rawatan dan langkah-langkah pencegahan iaitu akur dengan pengambilan ubat dan nasihat doktor ataupun profesional kesihatan.

Kita mendapati ada juga sebahagian pesakit yang diserang penyakit kanser misalnya lebih cenderung kepada rawatan alternatif daripada rawatan perubatan moden. Akibatnya, boleh melambatkan diagnosis dan rawatan kanser tersebut sehingga ke tahap sudah melarat dan susah atau tidak dapat untuk dirawat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja yang kaola dapat sampaikan berhubung dengan perkara ini.

#### **Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut seterusnya Soalan No. 16 daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam yang diguna pakai pada masa ini dikuatkuasakan semasa Negara Brunei

Darussalam mengambil alih semula kuasa-kuasanya dari Kerajaan *British* 34 tahun yang lalu dan tidak pernah dikaji semula.

Tidak dinafikan bahawa di sepanjang 34 tahun itu banyak kemudahan yang dihulurkan seperti Bonus Tahunan, Elaun Sara Hidup, Elaun Kurnia Khas, tetapi ini semua tidak dapat diambil kira dalam pengiraan apabila mereka bersara nanti sama ada jawatan itu berpencen atau melalui Simpanan Tabung Amanah Pekerja kerana pengiraan pencen atau potongan simpanan seseorang itu berdasarkan kepada gaji pokok dan kelamaan perkhidmatan.

Dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, selama 34 tahun negara merdeka **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** rakyat dan penduduk negara ini telah menikmati keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran walaupun pada masa ini hasil negara merosot, tetapi masih lagi dapat meneruskan dan mengamalkan dasar sebagai negara berkeadilan.

Tambahan pula, kita baru sahaja selesai merayakan Jubli Emas iaitu Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Ke-50 Tahun. Mungkin ada kesesuaian tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam ini dikaji semula.

Soalan saya: adakah ihsan kerajaan untuk mengkaji apa jua kesesuaian tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam itu diubah? Memandangkan nilai mata wang pada tahun 1984 iaitu mula-mula tangga gaji yang ada pada masa ini dikuatkuasakan dengan nilai mata wang pada masa ini tidak sama. Sedangkan harga keperluan harian jauh meningkat daripada tahun 1984. Mudah-mudahan niat suci kerajaan itu akan menambah lagi kemakmuran negara. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِهِٖ وَسَلَّمَ**

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis atas soalan yang dikemukakan iaitu mengenai kajian tangga gaji mengenai kakitangan perkhidmatan awam.

Dalam hubungan ini, kaola tidak akan berpanjang lebar dalam memberikan maklum balas kepada perkara yang ditimbulkan. Perkara ini ada hubung kaitnya dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terhadap persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri antara lainnya telah menjelaskan beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan sejak tahun

1987 ke atas tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam yang secara langsung telah meningkatkan pendapatan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam.

Kaola hanya ingin menambah sedikit sahaja kepada penjelasan berkenaan, iaitu perlu juga sama-sama kita memikirkan bahawa dengan kenaikan tangga gaji perkhidmatan awam secara keseluruhannya akan meningkatkan lagi jurang perbezaan gaji dan kemudahan-kemudahan di antara penjawat awam dan pekerja sektor swasta. Jurang tangga gaji dan elaun-elaun antara sektor awam dan swasta akan memberi kesan kepada usaha kerajaan untuk mengembangkan sektor swasta kerana daya tarikan pekerjaan anak-anak tempatan akan lebih tertumpu kepada sektor awam.

Kaola juga ingin mengongsikan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan jurang tersebut antaranya Skim Tabungan Perumahan Amanah Pekerja. Ahli-Ahli TAP dari kedua-dua sektor awam dan swasta yang mencarum ke dalam skim ini yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, boleh mendapat bantuan kewangan perumahan \$25,000.00 dan kadar pulangan simpanan minimum 3% setahun bagi membantu para peserta tabungan ini mempunyai rumah.

Contoh lain ialah Elaun Pendidikan *treasury* di institusi-institusi pengajian tinggi dalam negara yang dihulurkan kepada anak-anak ahli-ahli TAP bagi

membantu mereka meningkatkan kapasiti masing-masing.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut No.17 daripada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

**Yang Berhormat Awang Ong Tiong**

**Oh:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan salam sejahtera. Setiap tahun terdapat beribu-ribu penumpang dan orang ramai yang menyeberangi sempadan melalui pos-pos kawalan dengan membawa masuk sejumlah minuman keras mengikut had yang dibenarkan ke negara ini untuk kegunaan persendirian.

Untuk menguatkuasakan peraturan ini memerlukan kakitangan yang ramai dan menggunakan perbelanjaan yang besar. Sedangkan hasil pendapatan negara tidak diperolehi. Mungkin tiba masanya bagi kerajaan mengenakan sedikit cukai ataupun pembayaran pada mereka yang membawa masuk mengikut had yang dibenarkan bagi menampung perbelanjaan operasi.

Saya ingin bertanya. Apakah pihak yang berkenaan bersedia untuk mengkaji semula peraturan-peraturan minuman keras yang ada sekarang dengan



mengenakan sedikit cukai atau bayaran bagi mereka yang membawa masuk minuman-minuman keras mengikut yang dihadkan kecuali bagi diplomat-diplomat ia boleh dikecualikan?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas cadangan yang dikemukakan. Ia satu cadangan yang baik. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteliti oleh Kementerian Kewangan bersama dengan *stakeholders* yang lain.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut seterusnya No. 18 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
kaola tujukan kepada Kementerian Pembangunan. Adalah dimaklumi bahawa keadaan ekonomi negara pada masa ini mengalami kemerosotan dan kerja-kerja pemeliharaan jalan-jalan raya memerlukan peruntukan yang banyak di samping membina jalan-jalan raya yang baharu. Namun demikian juga perlu supaya jalan-jalan yang rosak itu diperbaiki untuk mengelakkan ia lebih parah lagi dan memerlukan

perbelanjaan yang banyak. Kaola ingin bertanya:

1. Apakah strategi-strategi atau usaha-usaha Kementerian Pembangunan untuk memastikan bahawa di samping melaksanakan projek-projek besar yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi, projek-projek kecil juga seperti pemeliharaan jalan raya juga tidak ditinggalkan atau diabaikan?; dan
2. Apakah dasar-dasar atau asas-asas yang dirujuk sebagai keutamaan bagi kerja-kerja pembaikan jalan-jalan raya yang rosak?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Terima kasih **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai soalan berikut:

1. Pemeliharaan jalan-jalan raya yang rosak. Kementerian Pembangunan memang mengutamakan dan mengambil berat tentang keperluan penyediaan, penyelenggaraan dan pemeliharaan jalan raya secara keseluruhan dengan mengambil kira impak kegunaannya yang produktif kepada merangsang berbagai-bagai aktiviti sosial ekonomi di samping mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Perkara ini adalah dengan *KPI* kebangsaan iaitu indeks bandar berdaya huni dan mampan. *Liability* dan *sustainable indexs* dan kualiti infrastruktur perhubungan seperti dalam kerangka Wawasan Brunei 2035 di bawah matlamat 2 taraf hidup yang tinggi dan bidang utama akses dan kualiti tinggi utiliti dan infrastruktur awam. Seperti juga dengan negara-negara membangun di dunia yang mempunyai sistem jalan raya yang canggih yang perlu ada sistem pengurusan bagi kerja raya, kerja-kerja pemuliharaan jalan-jalan raya Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali.

Walau bagaimanapun, pemeliharaan aset-aset infrastruktur seperti rangkaian-rangkaian jalan raya yang semakin bertambah dan *ageing* merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh negara-negara termasuklah negara kita.

Aset-aset ini memerlukan program pengurusan pemeliharaan berterusan (*continues maintenance management program*) bagi memastikan kitaran jangka hayat atau *lifecycle* aset-aset ini akan berpanjangan dan dapat terus berfungsi dan digunakan tanpa menjejaskan kesejahteraan dan keselesaan orang ramai.

Program-program pengurusan dan pemeliharaan yang bersistem sangat penting diteruskan kerana jika program ini terjejas ia akan bukan sahaja mengakibatkan perbelanjaan

yang tinggi untuk meneruskannya semula malahan juga akan menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai. Kementerian Pembangunan sememangnya mempunyai strategi-strategi melalui pelbagai program pengurusan dan pemeliharaan jalan raya seluruh negara sejak dari dulu lagi.

Antara program-program tersebut termasuklah program melapis semula aspal di rangkaian jalan raya di seluruh negara. Program menaik taraf jalan-jalan kecil, jalan-jalan daerah, program menaik taraf jalan-jalan simpang di seluruh negara, program pemeliharaan serta menaik taraf jambatan-jambatan di seluruh negara, program membaik pulih rangkaian jalan raya yang sedia ada di seluruh negara dan program *routine* rangkaian jalan raya di seluruh negara termasuk *porthole repairs*, pemotongan rumput dan pembersihan jalan raya.

Walaupun keadaan ekonomi negara sejak akhir-akhir ini telah sedikit sebanyak menjejaskan program-program tersebut, Kementerian Pembangunan akan terus berusaha untuk memastikan peruntukan-peruntukan bagi kerja-kerja pemeliharaan sebagai keutamaan dan akan mengkaji semula projek-projek yang telah dilaksanakan sebelum ini terutama sekali program pengurusan dan pemeliharaan jalan raya.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan meneliti keutamaan bagi satu-satu projek yang lebih menjurus kepada keselamatan dan kesejahteraan bersama di samping meneliti kaedah-kaedah yang sesuai untuk diguna pakai dalam melaksanakan program-program tersebut.

2. Jawapan bagi soalan mengenai dasar-dasar dan asas-asas yang dirujuk sebagai keutamaan bagi kerja-kerja pembaikan jalan raya yang rosak. Terdapat beberapa jenis kerosakan jalan raya yang lazimnya diperbaiki dengan tatacara yang berpandukan kepada piawaian tertentu mengikut keadaan kerosakan jalan raya yang dihadapi. Melalui strategi dan program pembaikan yang dirancang dengan menggunakan peruntukan tahunan jabatan dan *RKV*.

Antara lain kerosakan jalan raya yang diberi keutamaan untuk diambil tindakan serta merta adalah seperti *potholes* dan kerosakan-kerosakan yang boleh menjejaskan keselamatan para pengguna jalan raya yang terlibat.

Di samping itu, program pembaikan yang dirancang seperti program melapis semula permukaan jalan raya yang dikenal pasti telah mencapai seluruh kitaran hayatnya (*whole lifecircle*) yang memerlukan pembaikanpulihan (*rehabilitation*) atau pembinaan semula (*reconstruction*) juga menjadi asas yang dirujuk

sebagai keutamaan bagi kerja-kerja pembaikan jalan raya.

Antara asas lain yang dijadikan *basis* bagi menilai kerja-kerja pembaikan ialah dari senarai jalan yang telah dikenal pasti yang memerlukan pembaikan berpandukan kepada beberapa pendekatan iaitu keperluan *ad-hoc*, rutin dan serta-merta dan keperluan perancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Asas-asas ini didukung lagi dengan berpandukan kepada program senarai data jalan, analisis keadaan *structure* jalan raya dan jambatan melalui sistem pengurusan *IT* seperti *Road Asset Management System (RAMS)*, *Pavement Management System (PMS)*, *Bridge Management System (BMS)* yang terdapat di Jabatan Jalan Raya pada masa ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jawapan yang dapat kaola jelaskan mengenai soalan tadi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kita telah pun mendengar beberapa soalan dan soalan-soalan tersebut telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan melalui Soalan-Soalan Yang Diberi Notis ini.

Saya kira elok sekarang kita berpindah ke perkara lain iaitu untuk mula menumpukan perhatian kita ke perkara seterusnya bagi membincangkan Rang

Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan satu per satu, saya tangguhkan Mesyuarat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita menimbang Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu.

Pada petang kelmarin kita telah mula membincangkan Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membayangkan dengan cukup jelas mengenai aspek dan elemen hala tuju kementerian.

Maka saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, supaya soalan-soalan yang akan dikemukakan itu tidak menyentuh lagi kepada perkara-perkara yang sudah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri yang telah disampaikan pada petang semalam.

Walau bagaimanapun, saya juga telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat jawapan tambahan kepada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sekarang untuk memulakan perbincangan kita, saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat itu sekali lagi untuk memberikan kenyataan-kenyataan. Silakan.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon izin untuk memberikan penjelasan kepada beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada minggu lepas. Pertama ialah soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, berkaitan pengawalan melalui penguatkuasaan undang-undang tertentu di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mahupun di Jabatan Buruh bagi warga asing yang berdaftar sebagai pemilik syarikat dan seterusnya menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Berhubung perkara ini, kaola lebih dahulu merujuk kepada akta tertentu yang terdapat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, iaitu aktiviti

mana-mana warga asing yang dikeluarkan Pas Imigresen adalah terhad pada syarat-syarat yang ditentukan dalam pas tersebut.

Pada misalannya Pas Kerja hanya dihadkan kepada pekerja sahaja di negara ini. Pemegang pas berkenaan jika memerlukan aktiviti-aktiviti lain dikira melanggar Akta Imigresen yang berkuat kuasa pada masa ini.

Seterusnya pihak kerajaan menyambut baik perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, dan bagi menanganinya Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah dan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti *Registration of Companies and Business Names (ROCBN)*, Kementerian Kewangan dan pihak Unit Dasar Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan setakat ini adalah perkongsian maklumat berkenaan warga asing yang dikeluarkan Pas-Pas Imigresen antara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan pihak *ROCBN* secara kerap dan konsisten bagi kegunaan pihak *ROCBN* dan meneliti setiap permohonan pendaftaran syarikat yang terdiri daripada warga asing.

Jika terdapat permohonan daripada warga asing yang sedang memegang mana-mana Pas Imigresen, maka permohonan berkenaan akan ditolak oleh pihak *ROCBN*. Deklarasi oleh pemohon bahawa dia bukanlah

pemegang mana-mana Pas Imigresen yang telah dijadikan sebagai salah satu senarai semak atau *checklist* dalam proses pendaftaran Syarikat *ROCBN*.

Dalam masa yang sama untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan juga telah diambil ke atas beberapa permohonan jawatan *Director* daripada warga asing yang dihadapkan kepada *Job Centre Brunei* bagi proses mendapatkan Lesen Pekerja Asing sebelum langkah-langkah pengawalan yang kaola sebutkan tadi terlaksana.

Dengan perkongsian maklumat daripada pihak *Job Centre Brunei* tersebut, seramai 80 warga asing pemegang Pas Imigresen telah dibatalkan pas mereka. 10 orang menunggu urusan tiket pulang ke negara asal sementara 54 orang masih dalam siasatan lanjut.

Melalui Jabatan Buruh pula dengan kerjasama Unit Dasar Perancangan atau *Manpower Policy Planning Unit*, pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak PENGGERAK, satu dasar baharu berkenaan dengan pemilik syarikat warga asing yang ingin menjawat jawatan *Director* atau jawatan-jawatan utama di peringkat pengurusan dan menetap di negara ini sedang dalam proses untuk diperkenalkan.

Dasar ini bertujuan ke arah memastikan warga asing itu benar-benar berkelayakan melalui pengesahan terhadap kriteria-kriteria tertentu dan akan menyumbang pada ekonomi dan pekerjaan kepada anak tempatan.

Antara kriteria itu Yang Berhormat Pengerusi, ialah menetapkan sukatan gaji, menetapkan kelayakan akademik dan juga keperluan mengambil tenaga tempatan.

Kaola sekarang beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang memohon supaya Skim 2013 Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung yang menjadikan penamatan perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang sedia ada dikaji semula.

Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang baharu dikuatkuasakan pada 1 April 2015. Skim baharu melibatkan perubahan-perubahan kepada syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

1. Kelayakan akademik bagi kemasukan dalam Skim Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu;
2. Umur memasuki perkhidmatan iaitu 45 tahun hingga 55 tahun;
3. Tempoh perkhidmatan selama 10 tahun; dan
4. Penghulu dan Ketua Kampung tidak melebihi 70 tahun.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat. Skim Penghulu dan Ketua Kampung Tahun 1998 telah dibatalkan. Untuk itu Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah ditubuhkan di bawah skim baharu ini telah meneliti

akan kelayakan Penghulu dan Ketua Kampung satu per satu mengikut syarat kelayakan yang dinyatakan bagi memastikan mereka ini diserapkan ke dalam skim baharu dengan teratur.

Mereka ini bukanlah dikira sebagai lantikan baharu. Mereka ini diistilahkan sebagai diserapkan kepada skim baharu agar mereka ini dapat ditentukan di mana-mana bahagian peringkat jawatan Ketua Kampung dan Penghulu dengan tangga gaji yang dinyatakan dalam skim baharu.

Penilaian dan penyerapan yang dibuat adalah selaras dengan amalan yang dibuat pada masa ini dalam Perkhidmatan Awam. Seperti juga yang dinyatakan awal tadi syarat kelayakan Ketua Kampung dan Penghulu adalah berpandukan kepada syarat kelayakan akademik, tempoh perkhidmatan dan had umur. Jika kita lihat kepada kelayakan yang ada dan apabila mereka ini diserapkan ke skim baharu kebanyakan daripada Penghulu dan Ketua Kampung sudah pun mencapai 10 tahun, lebih dari 10 tahun perkhidmatan dan ada juga sebahagian daripada Penghulu dan Ketua Kampung yang telah pun mencapai umur 70 tahun dan mencapai umur lebih daripada 70 tahun. Ini telah melibatkan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang telah diserapkan ke dalam skim baharu ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ  
kesemua mereka ini telah diserapkan ke dalam skim tersebut yang berkuat kuasa pada 23 Disember 2017 dengan kesemua Penghulu dan Ketua Kampung telah menerima lantikan

mereka berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan.

Dari segi pendapatan Penghulu dan Ketua Kampung atau lebih tepat lagi perbezaan tangga gaji antara Penghulu dan Ketua Kampung diukur dari sudut akademik dan tanggungjawab Penghulu Mukim sebagai seorang pemimpin dalam mukim yang merupakan satu unit besar dalam satu daerah.

Kaola sekarang beredar kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Datu Haji Abdul Rahman mengenai aset-aset kerajaan. Sungguh pun soalan ini tidak ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, walau bagaimanapun sebagai sebuah kementerian yang juga mempunyai aset-aset, kaola merasakan terpanggil untuk mengongsikan apa yang sedang dilaksanakan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Datu Haji Abdul Rahman.

Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan sebagaimana yang kaola nyatakan semalam bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengeluarkan sebanyak 6 *request for proposal* bagi pelabur atau pemaju, memajukan aset-aset yang dimiliki oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Aset-aset

kerajaan yang telah ditawarkan untuk *request for proposal* oleh kementerian ini ialah:

1. Pengurusan Taman Selera, Taman Peranginan Tasek Lama dan Taman Jubli, Bandar Seri Begawan;
2. Bangunan Pusat Komersial, Bangunan Perdagangan Bumiputera dan Bangunan APTK;
3. *Request for proposal* bagi Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan Seria;
4. *Request for proposal* bagi *Commercial Establishment* di Kampung Air;
5. *Request for proposal* bagi Kompleks Bumiputera, Kompleks Komersial Bumiputera dan Pasar di Pekan Bangar; dan
6. *Request for proposal* bagi Geraineka Sungai Liang, Daerah Belait.

Daripada keenam-enam *request for proposal* ini kementerian hanya menerima 3 *request proposal* iaitu:

- i. *Request proposal* bagi pengurusan Taman Selera;
- ii. *Request proposal* bagi Bangunan Pusat Komersial, Bangunan Perdagangan Bumiputera dan Bangunan APTK; dan
- iii. *Request for proposal* bagi Pasarneka Seria Jalan Lorong 3 Selatan Seria.

Sementara yang lain tidak ada pihak-pihak swasta yang menghantarkan *request* mereka dan terpaksa dikeluarkan atau ditawarkan kembali. Jadi sungguh pun kita mempunyai usaha untuk menawarkan kepada pihak swasta tetapi nampaknya tidak ada *takers* dalam bidang-bidang tertentu.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola kongsi bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai soalan-soalan yang telah pun dikemukakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekarang saya ingin membukakan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk dibahaskan.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang dan saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan/setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi yang telah diperjelaskan secara terperinci akan peruntukan setiap jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin membawa Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Kod 002/000 - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Kod 002/001 - Pentadbiran Kewangan dan Sumber Tenaga Manusia, Kod 002/002 - Perancangan dan Analisis, dan Kod 002/003 - Operasi dan Gerakan. Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$769,165.000.

Yang Berhormat Pengerusi, isu pertama yang diusulkan oleh penduduk-penduduk yang berkenaan, sewaktu kejadian banjir melanda di Daerah Tutong baru-baru ini, terdapat beberapa permasalahan iaitu:

1. Bantuan kenderaan lori bagi mengangkut penduduk yang memerlukan perjalanan untuk bertugas, ke sekolah dan membeli keperluan harian tidak mencukupi. Di Mukim Ukong sahaja, terdapat 200-300 orang sehari yang memerlukan kenderaan tersebut.

Belum lagi kawasan Mukim Rambai dan Mukim Lamunin. Mukim Ukong hanya sebuah kenderaan lori yang disediakan maka terpaksa dilakukan berulang-ulang kali, sekali perjalanan hanya memuatkan 20-30 orang, sedangkan perjalanan pergi



balik mengambil masa 40 minit ke tempat dituju.

Akibatnya terlambat ke tempat kerja atau sekolah dan ada langsung tidak dapat hadir. Oleh itu, adakah pemikiran untuk menyelesaikan perkara ini pada masa akan datang dengan keperluan pengangkutan ditambah sekurang-kurangnya 3 buah sekali perjalanan kerana sudah dimaklumi bahawa kawasan Ulu Tutong sering mengalami banjir apabila musim hujan lebat?;

2. Kampung-kampung kawasan Mukim Rambai di Daerah Tutong seperti Kampung Benutan, Bengkulu, Kuala Ungar dan Kampung Rambai termasuk Kampung Layong, Mukim Lamunin adalah kampung-kampung mangsa terawal menerima paras air banjir yang dalam dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis salun kerana kedalaman boleh mencapai paras 1.5 meter.

Untuk berjalan kaki adalah berbahaya kerana buaya sering saja kelihatan di jalan-jalan yang ditenggelami air. Reptilia ini keluar dari air sungai yang melimpah memasuki longkang-longkang malah ada yang berkeliaran di kawasan rumah terutama pada waktu malam.

Ini menyebabkan penduduk tidak dapat keluar ke mana-mana terutama untuk mendapatkan keperluan harian. Kemudian 2-3 hari selepas itu, barulah air banjir tersebut surut dan menuju

menenggelami ke kampung-kampung kawasan Mukim Tanjung Maya.

Persoalannya, menjadi keluhan kepada penduduk kawasan Mukim Rambai kerana bantuan keperluan harian tidak diberikan kepada mereka semasa banjir melanda tetapi bantuan diberikan setelah air surut iaitu tidak memerlukan bantuan lagi.

Berlainan dengan kawasan Mukim Tanjung Maya dan sekitarnya, bantuan tiba tepat ketika kawasan masih ditenggelami air. Oleh itu dicadangkan pada masa akan datang:

- i. Kawasan Mukim Rambai dan Kampung Layong dipedulikan awal bagi agihan apa jua bentuk bantuan;
- ii. Dibekalkan *drone* kepada Pusat Bencana Banjir Daerah (*DDMC*) bagi membantu melihat dari udara kawasan yang selamat dilalui. Ia boleh diguna pakai bukan sahaja pada masa banjir malah waktu kebakaran hutan dan apa juga bencana yang berkaitan mencari dan menyelamatkan; dan
- iii. Adakah cadangan untuk memberikan permit penangkapan buaya bermusim? Misalannya, penangkapan untuk 3 bulan sahaja iaitu dari awal Oktober hingga ke akhir

Disember setiap tahun.  
Tujuannya ialah:

- a. Menjaga keselamatan orang ramai kerana binatang ini timbul berkeliaran khususnya di sungai-sungai Daerah Tutong. Adalah berbahaya, contohnya pada tahun lepas, kejadian seorang penduduk kampung di Ulu Tutong, telah menjadi mangsa serangan buaya ketika menyeberangi sungai menggunakan perahu;
- b. Jika tidak bercanggah akta dan hukum, kulit buaya dan termasuk kulit kerbau, lembu dan kambing menjadi sumber menghasilkan produk; dan
- c. Buaya yang ditangkap jika tidak boleh dibunuh, untuk dipindahkan di kawasan perlindungan di suatu tempat yang khusus. Dalam perkara perlindungan ini, demi keselamatan agar ia tidak terlepas, hendaklah dibina kawasan kolam yang berpagar lengkap dengan keperluan keselamatan agar ia menjadi tarikan pelancong iaitu boleh melalui jambatan di atas kolam berkenaan.

Sebagai perhatian baru-baru ini pada 8 Februari 2018, ada seekor buaya yang ditangkap di sebuah kampung di Daerah

Belait, dipindahkan ke sebuah kampung lain di Daerah Tutong, dan menjadi sungutan dan kekhuatiran penduduk kampung berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kepada pihak yang berkenaan, atas permohonan penduduk-penduduk kampung berkenaan memohon simpati supaya jangan lagi memindahkan buaya ke kawasan sungai mereka kerana sesetengah penduduk di situ dan sekitarnya, nelayan sepenuh masa yang sering menggunakan dan berharap sungai sebagai mata pencarian utama.

3. Seterusnya Tajuk SE04A - Jabatan Lembaga Bandaran Tutong, Kod 002/000 - Pengurusan Kemudahan Asas dan Perkhidmatan iaitu Ceraian 002/003 - Pengurusan Pemeliharaan dan Perkhidmatan.

Yang Berhormat Pengerusi. Padang Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong adalah terletak di kawasan Jabatan Bandaran Tutong dan dikelilingi oleh bangunan Pejabat Daerah Tutong, bangunan Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong dan bangunan *TelBru*.

Padang ini asalnya untuk sukan bola sepak, dulu wajahnya rata, halus dengan rumput yang sentiasa dipelihara dan dipotong. Sekarang ini tidak lagi terpelihara dengan rumput yang panjang. Hanya pada masa-masa keperluan tertentu

barulah dipotong tetapi tidak seindah dulu.

Tidak dapat dielak tumpuan mata sesiapa pun juga, melalui jalan Bukit Bendera ini, mesti akan melihat keadaan padang ini termasuk pelancong-pelancong dan kedutaan luar negeri yang sering melawat Daerah Tutong.

Sebagai sebuah daerah yang menjadi destinasi pelancongan, pelawat singgah lebih dahulu di bangunan Jabatan Daerah Tutong sebelum melawat ke destinasi lain. Setentunya mereka melihat keadaan padang ini seperti sesuatu yang kurang elok terletak di tengah pekan. Kita mahu Pekan Tutong bersih dan cantik.

Sehubungan itu, adakah cadangan, jika boleh, Jabatan Bandaran Tutong mengambil alih pemeliharaan padang ini kerana kita melihat penggunaannya sudah menyeluruh pada mana-mana agensi dan tidak terhad lagi kepada murid-murid Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong dan juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada sekurang-kurangnya 2 orang buruh bergaji hari.

Selain itu, sewa boleh dikenakan dengan bayaran berpatutan kepada badan bola sepak atau mana-mana pihak orang ramai yang ingin untuk menggunakannya, seperti mana yang dikuatkuasakan mulai 1 September 2016, membenarkan

penyewaan kemudahan-kemudahan kerajaan;

4. Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya Tajuk SE05A - Jabatan Buruh Ceraian Kod 002/001 - Lesen Pekerja Asing, Piawai Perburuhan dan Agensi Pekerjaan, yang berjumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$1,810,175.00. Kaola teruskan kepada soalan:

Selain mengemaskinikan pendaftaran senarai pencari kerja, adakah adakah agensi pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh mencipta peluang pekerjaan khusus kepada individu-individu yang tidak ada kelayakan akademik tinggi umpamanya sebagai Buruh, Pembersih, Tukang Kebun dan lain-lain yang bersesuaian di pejabat-pejabat kerajaan bagi diberi kepada anak tempatan yang tidak bekerja terutama kepada golongan meminta-minta bantuan asasi yang masih muda, berkeluarga serta mempunyai tanggungan anak-anak?

Jadi peruntukan bantuan yang disediakan itu jika boleh dan tidak bercanggah dari dasar dan peraturan ia diselaraskan dengan agensi pemberi bantuan berkenaan sebagai gaji mereka, dengan ini mereka tidak lagi setiap tahun menghadapkan borang permohonan bantuan.

Berdasarkan pengalaman Penghulu dan Ketua Kampung, golongan ini sering dihadapi memohon sokongan

untuk mendapatkan bantuan asasi bagi keperluan harian dan memohon menyambung semula setiap kali tempoh bantuan tamat.

Perlu diambil perhatian permasalahan mereka tidak diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan tersebut kerana tidak mempunyai kelayakan akademik dan bersaing dengan pemohon yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi.

Realitinya kerja sebagai Pembersih dan Pemeliharaan Taman atau Tukang Kebun tidak memerlukan pena, kertas dan komputer memadai dengan penyapu, alat pembersihan, cangkul dan alat perkebunan serta kebolehan membuat kerja.

5. Seterusnya Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat. Ada beberapa pertanyaan lagi mahu dikemukakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Kod 002/003 yang terakhir. Permit Masuk dan Dokumen Perjalanan dengan jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$1,922,710.00. Yang Berhormat Pengerusi, berhubung dengan pasport atau dokumen perjalanan berharga \$50.00 yang sah digunakan untuk 5 tahun sahaja bagi di luar kawasan Borneo.

Adakah cadangan untuk mengurangkan harga pasport ini atau jika tidak dapat dikurangkan ditambah sah penggunaannya kepada 10 tahun seperti juga pertukaran kad pengenalan pada setiap 10 tahun?

6. Soalan yang terakhir: Kenapakah pasport Brunei yang \$15.00 tidak boleh digunakan untuk perjalanan keluar dari kawasan tradisi sejak dahulu lagi? Adakah cadangan untuk mengubah dasarnya supaya pasport ini dapat digunakan untuk perjalanan antarabangsa?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Banyak soalan itu kaola berusaha untuk menjawab mana yang dapat kaola jawab dan mana yang belum dapat kaola jawab, akan kaola jawab kemudian atau secara bertulis:

1. Mengenai Pusat Urusan Bencana Kebangsaan. Masalah banjir di Tutong, barangkali sebelum kaola menjawab soalan ini, kita telah pun mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang telah menyatakan rancangan-rancangan yang akan diusahakan oleh kementerian tersebut dalam usaha menangani banjir di Daerah Tutong dengan mengadakan kawasan-kawasan tadahan.

Pada masa ini hanya ada satu kawasan tadahan dan dengan kawasan tadahan itulah الْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah dapat mengurangkan kawasan-kawasan yang kena banjir seperti di Lamunin, Daerah Tutong.

Jadi persoalannya ialah mengenai bantuan dari segi kenderaan semasa banjir yang melebihi paras 1 meter dan hanya kenderaan jenis trak sahaja dapat menggunakan laluan jalan.

Jadi sebagai usaha kitani *whole of government approach* dalam menangani bencana banjir ialah semua agensi kerajaan yang berkenaan akan bekerjasama dengan menggunakan aset-aset mereka juga.

Dalam hubungan ini, kita berterima kasih kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah pun membantu dari segi membekalkan bukan sahaja kenderaannya tetapi juga dengan pegawai-pegawainya bagi membantu *mobilise* masalah yang terkena banjir, oleh sebab beberapa tempat mengalami banjir ini, kita hanya terpaksa menggunakan aset-aset yang ada itu bagi membantu penduduk-penduduk berkenaan.

Jadi pertanyaan adakah aset ini akan ditambah, kita إِنَّ شَاءَ اللَّهُ nanti akan berunding, selalunya kita akan membuat *post-mortem* selepas banjir ini *assessment* apakah langkah-langkah akan diambil bagi

menangani keadaan sedemikian pada masa akan datang;

2. Penduduk-penduduk di kampung atau kawasan Benutan, Bengkulu, Layong yang paras airnya juga tinggi tidak menerima agihan bantuan. Agihan bantuan diselaraskan atau dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Masyarakat bersama dengan sukarelawan-sukarelawan jua.

Dalam perkara ini, kita akan mengambil perhatian kepada apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat kerana bantuan hanya diterima semasa musim surut. Ini kemungkinan pada masa itu kita tidak dapat memasuki tempat-tempat yang berkenaan kerana kedudukan air yang tinggi lebih 1.5 meter;

3. Buaya. Ini juga telah kita bincangkan bila kita membincangkan Soalan Bertulis mengenai dengan kawalan kepada binatang-binatang liar. Kita akan mengambil perhatian mengenai perkara ini kerana ia adalah dalam Akta Binatang Liar yang pada masa ini. Sejauh yang saya tahu apabila buaya ini dapat ditangkap ia akan dibawa untuk dilepaskan ke laut. Sebab itu saya tidak tahu adanya kejadian pada 8 Februari yang buaya di Kuala Belait dipindah ke Tutong, tetapi tentulah pihak agensi yang berkenaan akan

- mengambil perhatian Yang Berhormat Pengerusi;
4. Lembaga Bandaran Tutong. Padang di Daerah Tutong dalam kawasan Lembaga Bandaran yang dicadangkan untuk diambil alih oleh Lembaga Bandaran supaya padang ini akan dapat dinaik taraf, disewakan. Perkara ini satu cadangan yang baik dan kita akan melihat bagaimana tatacara untuk kita mengambil alih, bukan sahaja ia merupakan satu aset tetapi untuk menaik taraf juga akan memerlukan perbelanjaan;
  5. Buruh. LPA - Lesen Pekerja Asing. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ialah mengenai bolehkah Jabatan Buruh ini menyediakan kursus-kursus bagi membantu mereka yang tidak berkelayakan akademik untuk menjawat jawatan seperti Pembersih, Tukang Kebun.

Sebenarnya sebelum tertubuhnya unit atau Bahagian Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri, Agensi Pengambilan Tenaga Kerja (APTK) bagi agensi tempatan diletakkan di Jabatan Buruh dan mereka ini pada masa dahulu bertanggungjawab juga di dalam mengendalikan kursus-kursus tertentu.

Sekarang ini sejak tertubuhnya Unit Tenaga Manusia sebagaimana yang kita maklumi bahawa Unit Tenaga Manusia telah pun melaksanakan juga program-program ini melalui Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) dan kita mendengar bahawa dari latihan-latihan yang mereka jalankan beberapa ratus belia kita yang tidak bekerja telah pun dihantar ke Pulau Muara Besar untuk bekerja.

Kita difahamkan bahawa beberapa kursus lain sedang diteliti oleh Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK). Latihan-latihan seumpama ini dijalankan oleh Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) dan ini mungkin satu cadangan yang baik untuk diteliti.

Saya ingat sebelum ini Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri pernah melaksanakan program ini bersama-sama dengan pengendali-pengendali atau syarikat-syarikat pembersih iaitu *maintenance* yang melaksanakan pemeliharaan, pembersihan di kementerian-kementerian ataupun di bangunan-bangunan swasta dan program tersebut telah dapat memberikan pekerjaan kepada orang kitani. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu suatu perkara yang mungkin dapat dilihat sekali lagi.

Mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan cadangan harga pasport barangkali harga pasport kitani ini adalah yang termurah. Kalau untuk mengurangkan barangkali ini perkara yang kita terpaksa melihat kepada harga percetakan dan harga pemprosesan.

Perkara-perkara lain nanti akan kaola jawab kemudian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa perkara-perkara yang sudah disentuh sepanjang permesyuaratan kita pada tahun ini, eloklah jangan ditanya semula.

Juga saya perhatikan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat suka membuat mukadimah yang panjang lebar. Jadi cukuplah mukadimah yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang berkenaan.

Kalau ada yang akan disoal teruskan disoalkan apakah soalan yang dikemukakan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Kaola hanya ingin menyentuh mengenai penguatkuasaan akta dan undang-undang yang haruslah dikuatkuasakan dengan sempurna tanpa ragu-ragu dan tanpa takut-takut. Kaola maksudkan di sini:

1. Kaola berterima kasih atas pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri mengenai status orang-orang asing yang berniaga dan sebagainya. Kaola mengucapkan terima kasih. Hanya kaola mengaitkan sedikit sahaja daripada aspek itu.

Akhir-akhir ini kaola lihat banyak kaum keluarga pekerja-pekerja asing ada di Brunei Darussalam beranak-pinak dan sebagainya. Kaola, dahulu ada peraturan mengehadkan kemasukan keluarga pekerja asing itu hanya sebagai pelawat dalam erti kata diberikan pas pendek tidak lebih 3 bulan.

Tetapi hakikatnya kaola nampak ada beberapa keluarga itu yang ikut suami mereka di sini, dan suami mereka itu bukanlah kategori yang kaola ketahui orang yang boleh membawa keluarga. Misalannya keluarga Tukang Gunting.

Suatu ketika kaola bergunting kaola lihat keluarganya duduk di tepi itu ada isteri dan 3 orang anak. Lantas semasa kaola bergunting rambut dan

ketika ia mencukur kaola dengan pisau cukur di leher kaola.

Bayangkan keadaan begitu sangat mencemaskan di leher kaola ada pisau cukur dan dia pun berkata, "Tuan boleh tolong jamin isteri saya lagi 3 bulan?" Jadi kaola bertanya kepadanya, "Sudah berapa lama berada di sini?" Katanya, "Sudah mahu satu tahun lebih dan kali ini mahu dihantar balik tetapi imigresen tidak mahu sambung lagi" Pisau cukur berada di leher kaola.

Jadi untuk menyelamatkan diri kaola, kaola suruh dia pergi ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Saya menyatakan bahawa saya tidak tahu kerana saya hanyalah orang kampung sahaja. Dia yakin yang saya boleh menjamin pas kerjanya.

Jadi dari sana kaola tahu, ada kejadian itu berlaku dan banyak kaola lihat di kawasan kaola itu keluarga-keluarga pekerja-pekerja asing ini.

Kaola pohonkan supaya perkara ini ditangani dengan sebaik-baiknya mengikut peraturan yang ada kerana apabila keluarga mereka itu datang ke negara ini beramai-ramai, pasti akan menikmati segala kehidupan, segala subsidi, segala barang-barang kemudahan dan sebagainya yang akan menjejaskan kehidupan kitani.

Kaola harap jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan

Buruh akan selalu melihat perkara ini dan turun padang melihat.

2. Dalam masa yang sama kaola kaitkan satu kejadian yang kaola mengetahui secara peribadi ada seorang orang asing berpuluh tahun dahulu ia hanya sebagai Tukang Jahit di sebuah kedai jahit.

Sekarang dengan usahanya dan bagaimana dia menukar statusnya daripada Tukang Jahit yang hanya bergaji \$500 sekarang dia memiliki empayar kedai-kedai runcit.

Apabila dia membuka kedai runcit, pada kebiasaannya mereka akan membuka lagi kedai jahit, kedai kasut, kedai dobi, kedai gunting dan sebagainya. Jadi kaola akan menyerahkan senarai berkenaan yang kaola tahu secara peribadi kepada jabatan-jabatan yang berasingan.

Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim atas soalan yang dikemukakan.

Kaola menjawab dahulu soalan yang kedua itu iaitu mengenai adanya orang-orang asing yang pada mulanya datang



ke sini sebagai *cutter* iaitu Tukang Jahit dan kemudian membuka kedai runcit dan sebagainya. Perkara ini telah pun kaola jawab tadi mengenai inisiatif atau rancangan untuk menentukan kriteria bagi *Director*.

Walaupun namanya *Director* tapi sebenarnya *Director* itulah juga *Manager* dan boleh jadi *Sales Manager*. Apa sahaja nama jawatannya, *Director* itu nama yang boleh digunakan bagi apa juga tujuan. Kalau ia mahu membuka kedai runcit ertinya dia sebagai pengurusnya, masuk dalam kategori yang dinyatakan tadi.

Jadi inilah usaha yang akan kitani buat. Kitani mahu menentukan berapa gajinya, apa kelayakannya untuk menjadi Pengurus Kedai Runcit dan adakah ia akan mengambil anak tempatan dan banyak lagi kriteria-kriteria lain. Kalau ia lulus daripada kriteria itu barulah ia akan diberikan pas kerja. Ini salah satu cara juga.

Mengenai hal yang kedua itu, berbalik kepada kitani sendiri juga orang Brunei yang ghairah untuk memulakan bisnes dan membawa orang lain bersama-sama. Sama juga dengan Yang Berhormat, kaola pun ikut juga memerhatikan apa yang berlaku di kedai-kedai.

Perkara pertama ingin kaola lihat ialah kalau masuk sebuah kedai gunting ada bergantung Lesen Perniagaannya itu dan siapa *ownemya*. Bukan orang India atau orang asing itu yang mempunyai lesen tersebut tetapi orang kitani. Jadi

sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi bila Yang Berhormat bergunting boleh dijamin maka ia berbalik kepada orang kitani lagi.

Orang kitani boleh mahu menjamin atau tidak boleh menjamin. Jadi perkara ini bukan sahaja pihak kerajaan yang perlu untuk memperkasakan, melaksanakan undang-undang, mengawal tetapi orang kitani juga mestilah ikut sama-sama mengawal sebagai satu daripada konsep atau pendekatan *whole of nation approach*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

#### **Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan terima kasih juga atas penjelasan Yang Berhormat, mengenai aset kerajaan di bawah Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. Kaola ingin mengemukakan beberapa perkara di bawah pengawalan dan pengendalian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:-

1. Mengenai Petunjuk Prestasi Utama. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Salah satu Petunjuk Prestasi Utama atau *KPI* Kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri ialah peratus rakyat yang berpindah daripada pendapatan yang rendah kepada yang lebih tinggi. *KPI* 2.4 ini ialah salah satu *KPI* Kebangsaan yang menjurus kepada pencapaian matlamat kedua di bawah rangka kerja Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan rakyat.

Seperti yang dikongsikan oleh Sekretariat Wawasan Brunei 2035 semasa Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, pada awal Januari tahun ini, merujuk dalam senarai Anggaran Hasil Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019, tidak ada dinyatakan mengenai dengan *KPI* ini. Kaola tergerak untuk mengetahui status terkini *KPI* mengenai peratus rakyat yang berpindah daripada pendapatan yang rendah (*low income*) kepada yang lebih tinggi iaitu (*medium income*). Apakah pencapaian dan peratus peningkatan *KPI* tersebut setakat ini?

Adakah mereka ini benar-benar telah keluar dari kemiskinan? Adakah jumlahnya meningkat atau berkurangan? Saya berharap bahawa pihak Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dapat mengongsikan statistik langkah-

langkah pemantauan yang telah dijalankan dan pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi untuk mencapai *KPI* ini.

Syukur **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** seperti yang kita sedia maklum Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak menghulurkan bantuan melalui program-program yang sedia ada untuk rakyat dan negara seperti Dana Bantuan Kebajikan Bulanan di bawah pengendalian pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pengagihan Asnaf Zakat Al-Gharimin di bawah Majlis Ugama Islam Brunei, bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Miftahun Najah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Bukan sahaja dari pihak kerajaan bahkan terdapat banyak program bantuan yang sering diungkayahkan oleh orang-orang awam sektor swasta seperti *BIBD* Alaf dan badan-badan kebajikan yang membantu golongan-golongan yang memerlukan. Melihat kepada senario program-program bantuan yang sering dikendalikan oleh orang-orang awam, sektor swasta dan badan kebajikan ini jelas sekali bahawa sikap keprihatinan rakyat negara ini sangat tinggi dan inisiatif-inisiatif kebajikan ini semakin bertambah.

Walau bagaimanapun, kaola yakin bukan sahaja kaola bahkan banyak

pihak juga berasa bimbang mengenai jumlah penerima-penerima bantuan setiap tahun bila adanya pengurangan jumlah penerima-penerima ini pengurangannya adalah sangat rendah.

Apabila ada kenaikan jumlah penerima pula peningkatannya sangat merisaukan. Sebagai contoh pada tahun ini sahaja penerima-penerima Miftahun Najah ialah seramai 13,000 orang penuntut. Manakala penerima BKB pada September 2017, seramai 6,103 orang seluruh negara, iaitu jumlah bantuan diberikan adalah sebanyak \$11,297,225.00.

Jumlah kewangan ini besar nilainya bagi negara kita yang ingin pertumbuhan ekonomi yang pada masa ini tidak menentu. Pengawalan kenaikan atau penurunan jumlah penerima ini sesuatu yang tidak dapat dijangkakan.

Kaola juga difahamkan terdapat banyak rancangan atau program dan inisiatif yang akan diadakan secara berkolaborasi untuk mengawal peningkatan jumlah penerima bantuan di seluruh negara ini yang bertujuan menurunkan jumlah penerima bantuan.

Apakah langkah seterusnya untuk memastikan rancangan-rancangan atau program-program ini berkesan dalam usaha kita untuk mengeluarkan mereka dari

kelompok penerima bantuan atau *graduating out of poverty*? Matlamat kedua negara kita untuk mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 ialah untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Jika kita belum dapat mencapai matlamat yang kedua ini, bagaimanakah kita akan meneruskan usaha dalam mencapai matlamat yang seterusnya iaitu mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan;

2. Mengenai pengurusan kuasa-kuasa tempatan. Seperti hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perlu untuk kita berganding bahu menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan dalam sektor perusahaan mereka untuk meningkatkan kegiatan keusahawanan mereka bagi menampung dan menambah pendapatan sara hidup mereka. Kebanyakan dari peniaga ini datangnya dari keluarga yang memerlukan pendapatan tambahan dan memulakan perniagaan mereka dari rumah secara kecil-kecilan sahaja bagi menampung perbelanjaan seharian.

Walau bagaimanapun, peraturan dan garis panduan untuk memulakan perusahaan seperti di rumah hendaklah jelas seperti memberigakan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *Home*

*Based Business*. Isu ini juga telah menjadi tular di media-media sosial pada tahun lepas dan menyebabkan kekeliruan orang awam terutama pengusaha-pengusaha kecil tentang *Home Based Business* ini.

Seperti mana yang telah diketahui melakukan aktiviti perniagaan seperti bengkel-bengkel mahupun penjualan makanan dan minuman di rumah-rumah Perumahan Negara adalah melanggar syarat-syarat bagi mendiami kawasan perumahan tersebut seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, pagi kelmarin.

Dengan adanya pemberitaan yang lebih jelas ini, akan memudahkan proses permohonan sijil atau kebenaran kerana proses tersebut akan melibatkan agensi-agensi kerajaan lain, walaupun Lesen Rampaian atau lesen-lesen yang tertentu tidak diperlukan.

Kaola berharap pihak kementerian akan dapat memberi penerangan dengan lebih jelas mengenai definisi *Home Based Business* ini. Adakah peniaga-peniaga kecil di rumah-rumah dimestikan mendaftar untuk mendapatkan Sijil 16, 17 ini sebelum mereka membuka perniagaan mereka?

Kaola berharap dengan adanya garis panduan yang jelas bagi mereka yang ingin membuka perniagaan mereka secara kecil-kecilan ini.

Kebanyakan dari peniaga-peniaga ini datangnya dari keluarga yang mempunyai masalah kewangan dan ingin menampung perbelanjaan seharian.

Kita tidak mahu menyekat sumber rezeki mereka dengan mengenakan caj-caj atau bayaran-bayaran yang boleh membebankan mereka. Kaola ingin mengambil contoh melalui negara Singapura, mereka mempunyai garis panduan yang jelas yang terdapat juga satu inisiatif di bawah Kerajaan Singapura iaitu *Home Based Small Skill Business Scheme*, telah dilaksanakan dengan memantau gerakan peniaga-peniaga di bawah skim ini.

Menyentuh pula tentang ketiadaan Lesen Rampaian untuk beberapa perniagaan dan mereka yang dimestikan untuk mendaftar kepada *ROCBN* untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Perniagaan Penggal 127 yang dikuatkuasakan pada tahun 2015 bagi bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih *pro-business* dan mesra pelanggan. Jika peniaga-peniaga yang lain gagal untuk mendaftar mereka akan dikenakan denda.

Ini satu inisiatif yang sangat baik dalam *Ease Of Doing Business*, namun ini juga meningkatkan aktiviti-aktiviti lain yang menyalahi undang-undang seperti penambahan premis perniagaan tanpa kebenaran, kebersihan dan pengendalian makanan yang tidak bersesuaian

dan kegagalan untuk mendapatkan Sijil Halal.

Dengan kurangnya langkah-langkah penguatkuasaan dan pemantauan. Bagaimanakah pihak kementerian mengawal isu-isu seperti ini? Adakah lebih baik jika Lesen Rampaian dikekalkan bagi perniagaan-perniagaan yang beroperasi di bangunan-bangunan komersial?; dan

3. Mengenai *F & B*. Perkara ini, juga memerlukan perhatian dari beberapa buah kementerian dan jabatan seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai dengan halal *permit* dan halal *certification*, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan *Agri-Food Food Processing*, Kementerian Kesihatan *Food Hygiene and Food Handling*, dan Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan Industri (*ABCI*) mengenai *building approval*.

Adakah terdapat *online* platform seperti *one-biz* yang ia dapat bertindak seperti satu platform untuk memudahkan urusan permohonan dan pemberian *approval* dari agensi-agensy yang berkenaan? Jika terdapatnya platform seperti ini dapat diterapkan dalam permohonan lesen-lesen dan sijil-sijil tertentu dapat memudahkan pihak-pihak yang berkenaan untuk memantau kawalan kualiti (*quality control*) dan memproses dan proses-proses

permohonan difikirkan sesuai dengan *ease of doing business*. Mereka juga boleh menempah dan mengadakan pemeriksaan beberapa kali yang difikirkan perlu sesuai dengan jadual pemeriksaan mereka.

Sekian sahaja dari kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan-soalan yang dikemukakan. 2 daripada soalan yang dikemukakan itu kaola kira *cross-cutting*, merentas beberapa agensi kementerian dan jabatan:-

1. Mengenai *KPI* peratus rakyat berpindah dari pendapatan rendah ke pendapatan tinggi. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diberikan tanggungjawab ini untuk mengukur dan melaksanakan perkara ini dari segi sektor swasta sahaja kerana terdapat lagi satu jawatankuasa yang mengukur peratus rakyat berpindah dari pendapatan tinggi ini dari sektor kerajaan (*public sector*).

Jadi ini adalah satu tugas yang sangat berat kerana kita hanya dapat menilai perkara ini berdasarkan kepada maklum balas yang kita terima daripada syarikat-syarikat swasta dan juga berdasarkan sektor-sektor dalam sektor swasta.

Pada masa ini apa yang dapat kaola kongsi bahawa jawatankuasa yang diterajui oleh Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri masih lagi meneliti bersama-sama juga dengan agensi kerajaan yang lain khususnya *JPKE* yang memberikan maklumat-maklumat atau data-data yang tertentu mengenai perkara ini. Insya-Allah, apabila ia telah dikemaskinikan sudah ada data-data tersebut kita akan dapat mengongsikannya dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang kaola nyatakan tadi ia berasaskan kepada beberapa sektor dalam industri perburuan ini.

Memang betul sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa jika kita dapat menaikkan peratus rakyat berpindah daripada rendah kepada tinggi ini, ia akan dapat mengurangkan mereka yang pada masa ini mengharapkan bantuan-bantuan dari beberapa agensi kerajaan untuk menyara kehidupan mereka.

Dalam pada itu, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri melalui rancangan-rancangan yang sedang diusahakannya dalam sektor ekonomi juga berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk ini menerusi aktiviti ekonomi khususnya Satu Kampung Satu Produk.

Kita berharap sejauh ini kita telah mengenal pasti 5 produk yang dapat dimajukan. Sebagaimana kaola

terangkan dalam mukadimah kaola bahawa kita bekerjasama dengan *Ministry of Community, Thailand* supaya dapat meningkatkan produk kita ini berbagai-bagai sudut termasuk pemasaran dan sebagainya. Dengan cara itu dapat juga membantu menaikkan rakyat dan penduduk yang mengusahakan *IKIP*. Kita melihat satu contoh *best practices* yang berlaku di negara lain yang membantu kehidupan komuniti sebuah kampung atau mukim itu;

2. Mengenai pengusaha-pengusaha tempatan. Digalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menyara hidup dengan berniaga dari rumah. Sebagaimana juga yang dinyatakan Yang Berhormat tadi bahawa *home-based business* ini satu inisiatif yang baik, membantu menyara atau meningkatkan pendapatan keluarga.

Dari segi penggunaan rumah untuk melaksanakan perniagaan ini sebagaimana yang kaola nyatakan tadi ada *cross-cutting* di bawah beberapa agensi atau kementerian yang bertanggungjawab seperti yang kita ketahui bahawa jika *businessnya* itu tidak melibatkan apa-apa perubahan pada rumah ia boleh dijalankan, kecuali mereka yang telah mengubah suai atau membuat tambahan kepada rumah seperti mengadakan bengkel yang bukan sahaja menyalahi peraturan khususnya di Perumahan Negara tetapi juga kita melihat kepada aspek-aspek keselamatan.

Bagi pengusaha-pengusaha *home-based business* ini kerana sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi tidak ada lagi *Miscellaneous Licence* (Lesen Rampaian). Mereka ini haruslah mendaftar kepada pendaftar-pendaftar syarikat bernama *ROCBN*. Sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kita akan memeriksa tempat-tempat perusahaan itu dijalankan atau bisnes itu dijalankan.

Sama juga dengan pengusaha *SME*. Cadangan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman itu baik supaya diadakan satu platform yang mereka akan mendapat manfaat darinya. Sebab itu dalam jawapan saya mengenai dengan Taman Mahkota Jubli Emas, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun berusaha meneliti kemungkinan untuk mengenalkan *Hawkers Act* iaitu akta yang mengawal penjaja-penjaja tempatan.

Kita juga melihat terdapat beberapa agensi yang terlibat apabila kita memberi kebenaran untuk peniaga-peniaga membuat perniagaan secara berjaja kerana ia melibatkan Kementerian Kesihatan, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dari segi keselamatan dan *health environment*. Jadi semua ini akan dapat kita satukan yang dapat mengawal kegiatan-kegiatan yang

sedemikian. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri. Saya ingin mencadangkan supaya kita berehat dahulu selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat jawatankuasa ini bersidang semula. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Bersama saya di sini masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membahaskan Tajuk yang berkenaan ini. Saya sekarang ingin mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:-

1. Saya ingin menyentuh mengenai Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri semalam juga ada menyebutkan

iaitu seramai 113 orang bekas penghuni ataupun banduan telah berjaya mengikuti bagi mendapatkan pekerjaan dan diterima kembali ke dalam masyarakat. Alhamdulillah, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri khususnya Jabatan Penjara.

Bercakap mengenai statistik ataupun perangkaan banduan tahanan penjara khususnya penjara lelaki Jerudong. Mengikut klasifikasi kesalahan yang dilakukan bahawa kes-kes dadah adalah 22% 83 orang. Diikuti oleh kes curi 21% 80 orang dan kes pecah rumah 9% 37 orang. Manakala penduduk tempatan terlibat 83% iaitu 313 orang. Manakala mereka yang terlibat masuk penjara berulang kali lebih 4 kali 31%.

Melihat statistik yang disebutkan, memberikan kesedaran kepada kita semua dalam meningkatkan lagi usaha-usaha menyedarkan masyarakat umum akan bahayanya terlibat dan melibatkan diri dalam kes-kes jenayah dan akibatnya yang akan diterima mereka berkenaan yang boleh menjatuhkan maruah dan martabat diri serta memalukan keluarga dan masa hadapan yang tidak menentu.

Usaha-usaha menangani isu-isu sosial ini tidaklah hanya semata-mata bergantung atau berharap pada agensi kerajaan semata-mata tetapi hanya menuntut tanggungjawab daripada kita

semua pihak. Lebih-lebih lagi sebagai pemimpin masyarakat termasuklah Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pengawasan kejiwaan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, *NGOs* dan juga inti sesuatu keluarga itu sendiri.

Soalan saya: Apakah usaha dan rancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan dalam mengurangi kes-kes jenayah seperti kes dadah, kes kecurian dan pecah rumah seperti yang kita dengar melalui media massa dan melalui laporan pihak berkenaan?;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya saya ingin menyentuh dengan memangkin perkembangan ekonomi ia berkaitan dengan Program Satu Kampung Satu Produk. Dalam taklimat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga semalam, ada menyentuh Program Satu Kampung Satu Produk iaitu antara lain menyatakan Satu Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan telah ditubuhkan program kerjasama meningkatkan kualiti pengeluaran produk pembungkusan dan lain-lain lagi termasuk memberikan bimbingan dan tunjuk ajar.

Yang Berhormat juga sebentar tadi telah memberikan jawapan tambahan mengenai Program Satu Kampung Satu Produk yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang



Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Walau bagaimanapun, saya ingin juga mengetahui lebih lanjut dengan perkembangan 1K1P iaitu kejayaan dan pencapaian yang dicapai oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara dalam menghasilkan produk-produk mereka masing-masing.

Apakah usaha-usaha dalam melibatkan belia dalam program berkenaan terutama dalam memperkasa para belia menjadikan ia sebagai kerjaya dan mata pencarian yang tetap dan menguntungkan bagi kesinambungan dan mengganti mereka-mereka yang sudah berumur?;

3. Seterusnya menyentuh mengenai Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan iaitu bangunan baharu dan pengubahsuaian Pos Kawalan Kuala Lurah. Seperti yang kita maklum, jiran kita iaitu Daerah Limbang merancang membuat jambatan kedua di Sungai Limbang, menjadikan perjalanan lebih pendek dan tidak mengambil masa yang lama. Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu: Apakah rancangan kementerian berkenaan bagi membina bangunan baharu atau mengubah suai bangunan sedia ada bagi menampung kepadatan kenderaan ataupun meningkatkan kemudahan sedia ada umpamanya mengadakan lorong baharu bagi

lalan kenderaan berat, bas dan motosikal dan pejalan kaki dan seumpamanya; dan

4. Seterusnya saya ingin menanyakan mengenai Tajuk SE10A-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kod 002/000 dalam program aktiviti Pengurusan Perkhidmatan Visa, Pasport dan Taraf Kerakyatan iaitu mengenai kad pintar, *ic* atau pasport dan surat beranak. Apa yang saya maksudkan ialah pasport yang sedia ada telah ditulis dengan tulisan Jawi dan Rumi, nama. Walaupun isu ini nampaknya agak ringan tetapi pada pandangan saya menyangkut pada identiti sebuah negara.

الحمد لله negara kita sudah mengamalkan tulisan Jawi ini walau bagaimanapun dalam kad belum terdapat tarikh lahir Islam dan agama. Sebab isu ini ditimbulkan ialah bagi menghilangkan kekeliruan pihak-pihak yang berkenaan sebagai contoh pada masa kini terdapat kecenderungan orang ramai menamakan anak-anak mereka dengan nama-nama yang baik, bercirikan keislaman dan kemelayuan.

Sebagai contoh perbandingan juga (maafkan saya mengambil contoh puak Iban) iaitu bagi puak Iban menggunakan nama 'anak' sebagai ganti 'bin' atau 'binti' tetapi apabila mereka memeluk agama Islam mereka membuang 'anak'.

Walau bagaimanapun, masih kita mengenali mereka kerana nama asal masih dikekalkan. Bagi puak yang menggunakan 'bin' atau 'binti' agak sukar kita membezakan sama ada beragama Islam atau sebaliknya. Sesuai dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan bagi mencapai matlamat Negara Zikir serta bagi mengelakkan kekeliruan, kesamaran termasuklah bagi pengesahan yang berkenaan jika pemegang kad pintar melakukan kes-kes tertentu seperti khalwat dan jenayah syariah, saya cadangkan eloklah isu ini difikirkan oleh pihak yang berkenaan iaitu membubuh tarikh Islam dan nama Islam dalam kad pintar, passport, surat beranak dan seumpamanya.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai dengan soalan-soalan yang dikemukakan:-

1. Mengenai penjara iaitu apakah usaha-usaha untuk mengurangi kes-kes dadah, pecah rumah dan sebagainya. Lagi sekali, soalan ini merupakan soalan yang *cross-cutting* ertinya beberapa agensi bertanggungjawab untuk menangani termasuklah juga kitani sebagai anggota masyarakat. Sejauh yang berkaitan dengan Jabatan Penjara, kita melalui rancangan pemulihan

banduan-banduan berusaha sedaya upaya untuk memulihkan kehidupan banduan itu supaya mereka tidak akan masuk kembali ke dalam penjara dan meninggalkan perbuatan mereka.

Apa yang menarik dari statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi mengenai peratus kes-kes yang dibawa ke penjara. Kita juga memerhatikan bahawa peratus besar mereka yang tinggal di penjara ini adalah orang Islam. Usaha kita bukan sahaja memulihkan dari segi ia akan mendapat pekerjaan tetapi juga usaha kitani melalui pendekatan rohani, supaya melalui pendekatan rohani itu mereka akan berubah.

Jadi, itu yang dapat kita lakukan di penjara sementara mereka itu dalam tahanan. Keluar dari tahanan, semua agensi-agensi yang berkenaan juga bertanggungjawab khususnya ahli-ahli keluarga untuk memberikan sokongan kepada bekas banduan itu untuk dapat kembali hidup seperti biasa.

Dalam kerajaan terdapat beberapa agensi jua yang bertanggungjawab dan salah satunya ialah Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Di dalam Majlis Kebangsaan Isu Sosial ini ada jawatankuasanya yang dikongsi oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesalahan jenayah.

Kita berharap ini salah satu usaha kerajaan, tetapi sebagaimana kaola nyatakan bahawa di luar daripada ini ramai lagi pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk sama-sama menyumbang ke arah mengurangkan kes-kes jenayah ini dan juga membantu mereka yang telah keluar dari penjara;

2. Mengenai kejayaan Satu Kampung Satu Produk. Kejayaan yang kita lihat pada masa ini, walaupun terdapat 270 produk tetapi tidak semua produk itu di peringkat yang boleh menembusi pasaran tempatan dan serantau. Sebab itu kita berusaha untuk meningkatkan dulu perusahaan mereka itu sehingga mereka boleh mencapai kepada *SME* iaitu mini Perusahaan Kecil dan Sederhana. Jika mereka ini kita tingkatkan ke label tahap-tahap itu barulah nanti ia akan dapat meningkatkan perekonomian sesuatu kampung atau mukim itu.

Mengenai penglibatan belia, oleh sebab Satu Kampung Satu Produk ini dipunyai oleh mukim dan kampung adalah tertakluk kepada pengusaha di mukim dan kampung itu untuk membantu belia ini. Kerajaan tidak ada apa-apa masalah malah menggalakkan dan saya tertarik hati dengan apa yang dibuat di Kampung Batu Apoi dalam mengendalikan ambulung dan juga kerepek pisang, semasa lawatan saya ke sana ada 5 orang para belia yang sama-sama bergiat

dalam rancangan mengendalikan pengeluaran ambulung yang halal;

3. Mengenai Pos Kawalan Kuala Lurah, sama ada ia boleh dinaik taraf atau dibesarkan. Ini satu cadangan yang memerlukan kita untuk meneliti akan keadaan tempat tersebut. Memanglah, sekiranya ada laluan-laluan tertentu ia akan dapat memudahkan lagi kelancaran mereka yang menggunakan tempat itu; dan
4. Mengenai passport, *ic* dan juga surat beranak untuk membubuh nama-nama dalam tulisan Jawi. Pada masa ini yang dalam surat beranak ditulis dalam tulisan jawi tetapi keterangan-keterangan masih dalam tulisan Rumi, *ic* adalah dalam kawalan kita. Tetapi bila tiba kepada passport, ini adalah satu surat perjalanan yang antarabangsa tetapi kita mestilah mematuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh pihak antarabangsa sebagai satu surat perjalanan yang sah untuk dibawa kemana-mana. Jadi, hal untuk memasukkan tulisan Jawi ke dalam passport, khasnya nama-nama orang, nama-nama pemegang passport akan kitani lihat sama ada selaras atau tidak selaras mengikut kehendak surat perjalanan antarabangsa.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

*الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah dan penjelasan mengenai bajet dan fungsi serta tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah disampaikan kelmarin:

1. Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola ingin mengetahui status penduduk tetap iaitu pemegang Kad Pengenalan Merah yang sudah ditemu duga untuk mendapatkan kerakyatan dan Kad Pengenalan Kuning yang sudah menjalani ujian selama 4 ke 5 tahun masih belum menerima keputusan atau jawapan;
2. Seterusnya, kaola membawa Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran, Kuala Belait. Daerah Belait merupakan daerah yang terbesar antara daerah-

daerah di Negara Brunei Darussalam dan merupakan nadi utama tempat menghasilkan sumber hasil negara sehingga mendapat julukan "mutiara hitam". Selain itu, ia juga mendapat julukan *ghost town* disebabkan suasana yang sepi terutama pada waktu malam.

Berbagai-bagai usaha dibuat untuk menceriakan suasana di Daerah Belait telah dibuat termasuk mengadakan KBku Ceria, namun ia masih belum mengurangkan julukan tersebut.

Pertanyaan kaola: adakah pemikiran Jabatan Bandaran, Kuala Belait untuk melipatgandakan lagi usaha yang sedia ada dalam menceriakan suasana di Daerah Belait terutamanya pada waktu malam. Aktiviti-aktiviti jualan seperti pasar malam haruslah diwujudkan setiap hujung minggu bagi menghidupkan suasana malam serta dapat membantu penduduk di Daerah Belait menjana ekonomi mereka.

Kaola mengusulkan supaya ditempatkan bangunan khas di Pekan Kuala Belait bagi penamu-penamu supaya ia lebih selesa, selamat dan menarik seperti di kawasan Kianggeh dan Pasar Pelbagai Barangan Gadong, Daerah Brunei dan Muara dan bangunan tamu di Daerah Tutong.

Tandas-tandas awam pula perlu diperbaiki serta tingkatkan lagi kebersihannya kerana hampir

keseluruhan tandas awam di kawasan KB berhampiran kedai Milimewah umpamanya dan di kawasan letak kereta berhampiran Stesen Bas Seria dan tempat lain amat mendukacitakan, banyak yang rosak. Ini menggambarkan imej yang kurang sihat kepada pelancong, tambahan pula Daerah Belait adalah pintu masuk pelancong-pelancong dari luar negeri seperti dari Miri, Sarawak;

3. Seterusnya, kaola membangkitkan di bawah Tajuk SA07A - Jabatan Daerah Belait. Kaola melihat peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Daerah Belait adalah kecil dibandingkan dengan 3 daerah yang lain iaitu sebanyak \$4,185,190.00.

Soalan kaola, adakah kajian untuk melihat dan menilai dari berbagai-bagai sudut mengenai peranan dan fungsi Jabatan Daerah Belait berpandukan bajet yang diberikan musim 2018/2019 ini;

4. Seterusnya kaola menyentuh di bawah Tajuk SA12A - Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat. Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat merupakan sebuah jabatan beruniform yang mempunyai tugas dan tanggungjawab menjurus kepada keselamatan, kesejahteraan dan ketenteraman orang ramai di negara ini yang melibatkan nyawa manusia dan haiwan.

5. Dari seringan-ringan tugas membantu menyelamatkan binatang peliharaan seperti kucing dan anjing yang terperangkap sehinggalah kepada binatang buas, liar dan berbisa, dari memadam kebakaran bangunan hingga kebakaran hutan yang luas yang memakan masa berminggu-minggu untuk padam sepenuhnya. Dari tugas menyelamatkan orang yang mengalami kemalangan jalan raya hingga mencari dan menyelamatkan orang lemas di sungai hingga ke lautan yang luas.

Usul kaola ialah memandangkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat ini sangat-sangat penting dan jabatan yang menjadi *first respondent* bagi membantu dan menyelamatkan orang ramai, maka wajarlah *scale* gaji Ahli-Ahli Bomba dan Penyelamat juga dikaji dan dipertimbangkan untuk diubah dan diselaraskan dengan *scale* gaji Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi menghargai dan menaikkan imej Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan

6. Seterusnya kaola bertanya mengenai Tajuk SA10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kaola ingin bertanya: Kenapakah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan masa ini tidak mengenakan bayaran kepada pas kerja (*work permit*) kepada pekerja-pekerja asing? Jika ini dilaksanakan setentunya ia akan boleh

menambahkan lagi pendapatan negara.

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Hanafi bin Mohd. Siput:-

1. Mengenai penduduk tetap yang telah pun lulus menjalani ujian Bahasa Melayu. Soalan telah ditimbulkan jua pada tahun lepas mengenai penduduk tetap ini dan kaola telah pun ada menerangkan pada tahun lepas bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang meneliti bagi mengemaskinikan dasar bagi permit masuk (*entry permit*) ini.

Jadi **الْحَمْدُ لِلَّهِ** pada tahun ini kita telah mendapat kurnia perkenan bagi pengemaskinian dasar baru bagi permit masuk (*entry permit*) yang dahulu terbahagi kepada 17 kategori dan sekarang ini selepas dikemaskinikan ada 13 kategori.

Secara keseluruhannya masih lagi sama tetapi kita hanya memperkemaskannya. Dalam hubungan ini juga kita mempunyai jawatankuasa tertentu untuk mempertimbangkan sokongan pemberian permit masuk ini di peringkat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi kategori-kategori 1 hingga 11.

Jawatankuasa khas Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri yang dianggotai bukan sahaja oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi juga kementerian-kementerian lain bagi permohonan dalam kategori warga asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan negara dan kategori warga asing golongan profesional.

Sejak pemberian permit masuk dibekukan dalam tahun 2014 sehinggalah kepada 25 September 2017 sebenarnya terdapat 3,309 permohonan yang telah diterima. Kementerian akan meneliti perkara ini dan langkah yang seterusnya sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu bagi mereka yang memenuhi syarat-syarat tertentu barulah selepas memenuhi syarat-syarat dalam permit masuk mereka akan dipertimbangkan untuk permohonan kerakyatan;

2. Bagi soalan yang berkaitan dengan Lembaga Bandaran Kuala Belait yang disebutnya sebagai *ghost town* pada waktu malam dan apakah rancangan-rancangan yang dapat dilaksanakan, kaola sendiri mengalu-alukan pandangan-pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, apakah rancangan-rancangan yang boleh dibuat untuk menjadikan Kuala Belait itu sebagai satu bandar yang *vibrant*.

Jadi oleh sebab Ahli Yang Berhormat adalah mempunyai *venue platform* dengan Jabatan Daerah, Lembaga Bandaran kita mengalu-alukanlah pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang membina termasuklah pemikiran yang dikemukakan dalam Dewan ini iaitu mengadakan aktiviti waktu malam;

3. Mengenai tempat untuk penamu-penamu baharu, perkara ini boleh diteliti tetapi kitani juga sama-sama menyedari bahawa dalam menimbangkan peruntukan bagi tahun 2018/2019 ini kerajaan masih menghadapi defisit bajet sebanyak \$1.5 bilion.

Makanya terdapat penghadan tertentu yang diberikan kepada kementerian-kementerian tetapi alhamdulillah Jawatankuasa Belanjawan telah pun memberikan pertimbangan iaitu sebahagian kementerian melebihi daripada had yang diberikan kepada kementerian tersebut termasuklah Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. Kita bersyukur dengan pertimbangan yang diberikan oleh pihak yang berkenaan.

Jadi dalam keadaan kitani macam ini, kitani terpaksa membuat keutamaan (*priority*) bukannya rancangan-rancangan seperti tidak baik, akan kita teliti, akan kita laksanakan jika ia *viable* untuk dilaksanakan tetapi pada masa yang mengizinkan kita juga untuk melaksanakannya;

4. Mengenai tandas awam, kaola berterima kasih atas maklumat yang diberikan dan sememangnya adalah menjadi hasrat tujuan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan juga Jabatan Daerah Belait memastikan tandas-tandas awam itu bersih dan boleh digunakan.

Daerah Belait yang menerima bajet yang rendah dibanding dengan daerah-daerah lain: Adakah kajian untuk menilai peranan Daerah Belait? Kajian ini, kitani seterusnya berusaha untuk meneliti, mengimbas kembali, menilai semula perancangan yang dibuat oleh tiap-tiap jabatan menurut peruntukan yang diberikan pada setiap masa. Bukan ia hanya telah selesai bajet, tetapi merupakan satu *exercise* yang kita laksanakan secara berterusan;

5. Jabatan Bomba dan Penyelamat. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat supaya mengkaji semula tangga gaji Pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Perkara ini akan kita teliti dan apa pun kedudukannya kita akan menyelaraskannya dengan apa yang dilaksanakan dalam perkhidmatan awam; dan
6. Mengenai bayaran pas pekerja. Perkara ini juga akan diteliti kerana dalam meneliti apa-apa jua jenis pembayaran ia akan balik kepada majikan tersebut, siapa yang mengambil mereka berkhidmat. Pihak kami menyerahkan bayaran ini kepada orang yang mengambil mereka berkhidmat itu, bukannya kepada pekerja tersebut itu

sendiri. Perkara itu perlulah kita teliti, satu cadangan yang baik untuk meningkatkan pendapatan hasil.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
 الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu rasa sukacita menyokong atas segala usul-usul yang telah dihadapkan oleh rakan kaola daripada Daerah Belait dan hanya tinggal 2 sahaja ditangan kaola ini yang akan hamba usul kan jua. Kaola sukacita ingin menghadapkan iaitu persoalan dalam Tajuk SE05A - Jabatan Buruh yang diperuntukkan \$5,854,780.00, dan dalam Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang diperuntukkan \$19,300,745.00.

Yang Berhormat Pengerusi bercakap mengenai kehadiran pekerja-pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana yang difahami bahawa pengambilan ini bukanlah suatu perkara yang baharu bagi Negara Brunei Darussalam membenarkan pengambilan pekerja asing yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan juga anutan agama, budaya hidup dan sikap.

Namun begitu, pengambilan pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam untuk membantu pertubuhan perkembanagn ekonomi negara yang bermula sejak zaman residen lagi iaitu sekitar tahun 1906 hingga tahun 1983 dan sehinggalah pada zaman negara kita menikmati kemerdekaan ke-34 tahun. Pekerja-pekerja asing di Negara Brunei Darussalam dalam anggaran kaola mencapai ratusan ribu orang ini bekerja dalam berbagai-bagai sektor awam dan swasta, syarikat-syarikat domestik dan lain-lain.

1. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menghadapkan pertanyaan: Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang mengamalkan dan menghayati budaya cara hidup kebruneian dan adat resam dengan sikap bersopan santun dan berawar galat sentiasa menunjukkan rasa hormat menghormati dalam sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Bagi Menanai keharmonian cara hidup rakyat Negara Brunei Darussalam, Apakah ada langkah-langkah yang diusahakan oleh pihak kementerian bagi menjurus ke arah memberikan kefahaman kepada pekerja-pekerja asing supaya mereka boleh memahami



mengenai budaya dan sikap serta dasar dalam negara agar jangan ada yang bertentangan atau menyalahi kehendak negara dan masyarakat terutama sekali negara kita sebagai Negara Zikir yang mengamalkan prinsip Melayu Islam Beraja.

Kita berharap dalam perkara ini semoga ia juga *terkelinga* sebagaimana mengikut dalam dasar pengambilan pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam agar dapat memupuk kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, kaola suka ingin bertanya dengan ringkas sahaja, Mengapakan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dokumen perjalanan ke luar negeri yang mereka miliki bertulis dikulit buku tersebut, bertulis dengan perkataan Sijil Pengenalan? Mengapakan tidak ditulis dengan perkataan Pasport Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam? Mohon jua pencerahan.

Sekian sahaja      *وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengenai kehadiran pekerja-pekerja asing yang dicadangkan perlu pada memupuk keharmonian dan kefahaman mengenai kehidupan

di Brunei ini, diberi kefahaman mengenai budaya MIB, prinsip-prinsip negara dan sebagainya.

Ini adalah satu cadangan yang baik dan kita berusaha bagaimana caranya untuk melaksanakan perkara ini kerana sebagaimana Yang Berhormat nyatakan bilangan pekerja asing itu terlalu ramai mengikut tingkat-tingkat mereka.

Perkara yang boleh kita buat ialah untuk melaksanakannya secara berperingkat-peringkat tetapi sejauh yang kaola tahu Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, pihak Sekretariat majlis ini telah pun memberikan penerangan-penerangan mengenai Melayu Islam Beraja ini kepada pengurus-pengurus, pengusaha-pengusaha, syarikat-syarikat dari luar negeri ini pada tahun 2017 dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu cadangan yang baik; dan

Mengenai imigresen Yang Berhormat Pengerusi kaola tidak payah menjawab soalan ini dipersilakan untuk membuka balik hansard mengenai dengan Persidangan kitani pada Tahun 2017. Kaola telah dengan berpanjang lebar menerangkan mengenai dengan kedudukan *ICI*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. <sup>السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ</sup> dan salam sejahtera. Dalam kesempatan ini kaola menyentuh beberapa perkara iaitu:-

1. Tajuk SE01A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. <sup>الْحَمْدُ لِلَّهِ</sup> skim perkhidmatan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung telah pun dilaksanakan dan dikuatkuasakan mulai 23 Disember 2017. Salah satu daripada syarat perkhidmatan tersebut ialah penglibatan Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung dipersarakan setelah mencapai usia 70 tahun. Berbangkit dari syarat tersebut  $\frac{3}{4}$  daripada Penghulu dan Ketua Kampung seluruh negara yang sedang bertugas pada masa ini bukan sahaja mencapai 70 tahun bahkan hampir 80 tahun. Sebentar itu di Daerah Tutong sendiri pun separuh daripadanya adalah berusia 70 tahun ke atas.

Soalan kaola, diambil maklum tawaran atau iklan untuk jawatan Penghulu dan Ketua Kampung telah pun dikeluarkan melalui Surat Keliling Kementerian dan Daerah dan juga melalui media rasmi kerajaan yang kaola bangkitkan andainyalah tidak banyak yang memohon jawatan Penghulu dan Ketua Kampung kerana termaklum dari bertahun-tahun memang tidak ada yang memohon mudah-mudahan sahaja skim yang baharu

ini ada permohonannya. Andainya tidak ada pemohon dan yang bersara itu banyak lebih daripada separuh. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah akan memanggil semula yang telah bersara ini untuk bertugas semula?. Seperti mana yang berlaku sebelum ini;

2. Kaola menyentuh mengenai SE08A - Pejabat Daerah Tutong kaola menyokong sebenarnya pendapat ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan juga mengambil maklum penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hanya kaola menambah sedikit.

Dicadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai produk ini supaya menyediakan satu galeri ini selalu sudah kitani sampaikan dan dipohonkan setiap daerah agar dapat produk-produk yang telah diusahakan oleh pengusaha-pengusaha mukim dan kampung dihantar dan dipasarkan ke tempat tersebut kerana sebelum ini penghasilan yang diusahakan oleh produk-produk mukim dan kampung ialah menunggu ekspo dan menunggu lawatan dari pembesar negara dan lawatan-lawatan yang dibuat oleh persatuan-persatuan.

Maka dengan adanya galeri tersebut semestinya menempatkan atau mengumpul barang-barang produk

tiap mukim atau kampung ke daerah itu dan untuk dipasarkan sama ada untuk dilawat oleh pelancong atau rakyat Negara Brunei ini sendiri.

Dicadangkan supaya kementerian melalui Jabatan Daerah membantu pengusaha produk untuk bergerak ke hadapan dengan keluar daripada kepompong perniagaan tradisional yang hanya pengusaha dan menjual produk yang sudah terlalu banyak di pasaran dan juga dipohon nilai tambah kegiatan ekonominya seperti industri pelancongan, *homestay* dan sebagainya;

3. Kaola juga menyentuh Tajuk SE04A-Lembaga Bandaran Tutong. Adalah dimaklumkan kawasan lingkungan perbandaran Tutong pada ketika ini sangat kecil iaitu 02 per 4 kilometer iaitu 25 hektar dan terhad yang antaranya menghadapkan perancangan kemajuan masa hadapan yang lebih berkembang. Oleh itu, pembesaran kawasan lingkungan perbandaran Daerah Tutong dari yang sedia ada kepada satu kawasan yang bersesuaian diperlukan sesuai dengan tarafnya sebagai kawasan perbandaran dengan kawasan yang pesat membangun pusat pentadbiran dengan jumlah penduduk yang seimbang. Jadi cadangan kaola bagaimana dihasratkan oleh penduduk mukim Daerah Tutong, keluasan dalam lingkungan Bandaran Tutong seperti mana juga yang pernah ditimbulkan pada Permesyuaratan - permesyuaratan

Majlis Negara yang lalu supaya dapat akan dipercepatkan tindakannya; dan

4. Kaola juga menyentuh mengenai dengan Jabatan Buruh. Pada masa ini dilihat didapati jurang pendapatan semakin membesar antara pekerja-pekerja daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dengan pihak swasta. Jadi hamba menyokong dan berterima kasih di atas penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa telah pun menyediakan ataupun merundingkan maksimum gaji.

Walau bagaimanapun, perlu juga dilihat masa bekerja mereka ini kerana nampaknya panjang ada yang bekerja dari pukul 9.00 pagi dan berakhir pukul 9.00 malam. Jadi supaya dapat dilihat selain melihat dari gaji mereka masa-masa bekerja itu pun ataupun waktu bekerja perlu juga dilihat.

Demikianlah yang saya sampaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong di atas soalan-soalan yang dikemukakan:

1. Mengenai pelaksanaan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung 2017 dan terdapatnya menurut syarat-syarat perkhidmatan itu sebilangan Ketua-Ketua Kampung

dan Penghulu yang sudah mencapai umur 70 tahun dan lebih untuk dibersarakan. Dalam perkara ini Yang Berhormat bertanya sama ada mereka itu diambil bertugas semula atau apakah rancangan yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sehubungan dengan itu, perkara ini telah pun diteliti dan masih diteliti oleh Lembaga Perjawatan Penghulu dan Ketua Kampung untuk mencari apakah pilihan-pilihan *option-option* yang terbaik bagi menangani masalah persaraan Penghulu dan Ketua Kampung.

Salah satu daripada *option* ialah bahawa jawatan Penghulu dan Ketua Kampung buat sementara waktu boleh dipangku. Kalau Ketua Kampung pada masa ini Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung yang disokong boleh juga memangku Jawatan Ketua Kampung. Jadi ada *option-option* tertentu yang belum dapat saya kongsi di dalam Dewan ini;

2. Mengenai Satu Kampung Satu Produk cadangan untuk setiap daerah menyediakan tempat. Sebenarnya ada sudah tempat ini, cuma tempat itu barangkali kurang strategik umpamanya Daerah Belait dan Tutong ditempatkan di Pejabat Daerah. Berlainan dengan Daerah Temburong terdapat ruang kedai di Bangar sendiri.

Di Bandar Seri Begawan ini, mereka juga telah pun berusaha selain menunggu adanya satu tempat khas ini melalui perniagaan *cube* dan baru-baru ini iaitu tahun lepas pengusaha mendapat tempat di Lapangan Dewan Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa produk-produk Satu Kampung Satu Produk dijual di sana.

Mengikut pengusaha kedai ini, produk-produk ini laris khususnya dari pelancong-pelancong luar negeri. "Jadi saya cuba dan mahu produk ini dalam bilangan ini esok." Maaf ya, pihak pembekal tidak dapat membekalkan kalau diberi masa singkat. Beri saya masa 3 atau 4 hari baru saya boleh membekalkan."

Jadi walau pun sudah ada misalannya tempat, masalahnya ialah ada pihak pengusaha yang sudah tahu akan saluran untuk memasarkan produk mereka, mereka mestilah juga bersedia untuk membekalkan produk-produk itu. Bila saya tanya, berapa lama mereka mesti menunggu bayarannya? 2 minggu kami akan bayar.

Jadi kaola berharap semoga pengusaha-pengusaha Satu Kampung Satu Produk akan dapat memanfaatkan khususnya ruang kedai yang terdapat di Dewan Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam;

3. Mengenai Lembaga Bandaran Daerah Tutong bahawa kawasan Lembaga Bandaran ini adalah kecil 0.24 kilometer sahaja dan Lembaga Bandaran Tutong telah pun membincangkan dalam Lembaga Bandaran cadangan untuk membesarkan Kawasan Lembaga Bandaran Daerah Tutong atas sebab-sebab atau pun tujuan-tujuan tertentu.

Tetapi perkara ini sedang diteliti oleh pihak Lembaga Bandaran. Walau bagaimanapun, dalam usaha kitani untuk membesarkan Kawasan Lembaga Bandaran, perkara yang penting untuk kita lihat, apakah *value added*, apakah kelebihan bagi penduduk yang bermastautin di Kawasan yang sudah nanti diisytiharkan sebagai Kawasan Lembaga Bandaran.

Kita sudah mempunyai rancangan peluasan Bandar Seri Begawan pada masa ini yang belum kaola akui dapat dilaksanakan sepenuhnya dari segi hasrat kita, jadi kita tidak mahu perkara ini berulang kali kedua. Ini adalah satu pengajaran kepada kita. Dalam membuat satu cadangan itu kita mesti memastikan apakah nilai tambah bagi kawasan yang akan kita isytiharkan atau luaskan bagi meliputi kawasan Lembaga Bandaran; dan

4. Perkara yang terakhir jurang pendapatan perkhidmatan awam dan swasta, kaola sebelum ini mengongsikan mengenai cadangan

gaji minimum yang sedang diteliti. Tetapi masa waktu bekerja sebenarnya ditetapkan oleh Akta Buruh. Kaola ingin mengongsikan dalam pemeriksaan Jabatan Buruh ke syarikat-syarikat di negara ini ada didapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan kerana bekerja lebih masa dari yang ditetapkan.

Syarikat-syarikat tertentu itu telah pun dikenakan denda oleh Jabatan Buruh. Jika misalnya pekerja mendapati mereka ini lebih bekerja daripada yang sepatutnya mereka boleh melaporkan perkara itu kepada Jabatan Buruh.

Mengikut Perintah Pekerjaan, seorang pekerja hanya bekerja selama 8 jam sehari, dan maksimumnya ialah 12 jam iaitu 4 jam *extra* dikira sebagai lebih masa. Sekiranya ada perkara di luar daripada ini mereka boleh menghadapkan aduannya kepada Jabatan Buruh dan Jabatan Buruh akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman@Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian:-

1. Saya ingin menyentuh Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Berita mengenai bayaran proses kedatangan amah ditentukan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada kadar \$1,500. Nampaknya disambut baik oleh orang ramai. Oleh yang demikian, saya sukacita mendapat penjelasan. Bila kiranya perkara ini akan dapat dimulakan? dan Apakah kedudukan ataupun peraturan tentang pengambilan ini kepada ejen;
2. Saya juga akan menyentuh mengenai Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Kita sangat berbangga bandar kita iaitu Bandar Seri Begawan yang telah diiktiraf sebagai *liveable city* yang ketiga di Asia Tenggara selepas Singapura dan Kuala Lumpur manakala Bandar Seri Begawan juga ditempatkan di tangga ke-100 dalam *global ranking of most liveable city* seperti mana yang dilaporkan oleh *Global Liveability Ranking Report by Economist Intelligent Unit (EIU)*. Bagi tahun 2017 Bandar Seri Begawan ditempatkan di hadapan Bangkok iaitu 102, Jakarta 118, Ho Chi Minh

122 dan Phnom Penh 123 iaitu peningkatan infrastruktur telah banyak membantu peningkatan tangga ini.

Sehubungan dengan itu, kita amatlah menaruh harapan agar komuniti dan masyarakat yang diam dalam kawasan bandar akan berupaya dan berdaya tahan dalam memastikan keadaan infrastruktur dan prasarana dipelihara malahan para pemaju tuan punya hartanah bangunan-bangunan dan kompleks-kompleks perniagaan dan *apartment* akan dapat dipelihara setiap masa.

Kita mahu semua prasarana akan berada dalam keadaan baik dan cantik. Kita amat sedih apabila melihat keadaan infrastruktur dan prasarana dalam bandar tidak terurus dan terbiar. Ini akan menyebabkan imej bandar terjejas dan seterusnya menyebabkan nilai harta tanah akan *drop*. Persoalannya: Apakah tindakan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dalam memastikan infrastruktur dan prasarana kawasan perbandaran, lebih lagi bangunan-bangunan yang dilihat terbiar, kotor, usang dan tidak dipelihara, diambil perhatian?

Akta *Building Control* telah pun diluluskan, Kenapakah akta ini tidak dikuatkuasakan bagi memastikan perkara ini ditangani oleh tuan punya hartanah supaya mereka bertanggungjawab dalam memastikan bangunan dipelihara

dan sekali gus menjaga imej bandar?;

3. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan menyentuh mengenai Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Jika kita perhatikan tempat-tempat meletakkan kereta atau *parking space* di Bandar Seri Begawan pada tempat-tempat yang tertentu penuh dan susah untuk pemandu mencari tempat-tempat yang kosong. Kaola ingin bertanya: apakah ada peraturan yang membenarkan tuan punya kedai meletakkan tanda-tanda atau *cone* untuk tidak membenarkan atau dilarang memasuki atau meletak kereta di tempat yang kosong itu?; dan
4. Seterusnya saya juga ingin meneruskan perbincangan dan persoalan ini mungkin soalan ini ada relevan dengan Kementerian Perhubungan. Terdapat beberapa bengkel kereta dan sebagainya nampak beroperasi dengan tidak mengambil endah akan alam sekitar.

Antaranya membuang minyak terus ke longkang-longkang, membaiki kereta-kereta di letak kereta awam, meletakkan kereta di laluan perjalanan kaki dan sebagainya. Sukacita saya ingin mengetahui: Apakah syarat-syarat yang dikenakan pada masa ini supaya bengkel-bengkel kereta ini beroperasi dengan tidak mencemarkan keindahan alam sekitar, tidak mengganggu laluan

dan tidak menjejaskan tempat letak kereta dan juga laluan pejalan kaki?;

5. Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga ingin meneruskan perbincangan dan persoalan ini mengenai barang-barang tiruan. Saya menyentuh kepada Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara. Negara kita antara banyak negara yang memeterai perjanjian tentang barang-barang tiruan. Sukacita ingin mengetahui agensi manakah yang mengambil tindakan ke atas perniagaan yang menjual barang-barang tiruan?; dan
6. Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Penguatkuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Saya merakamkan dan mengucapkan ribuan terima kasih setinggi-tingginya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Penguat Kuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara kerana telah mendapati ada syarikat yang melonggokkan sampah di kawasan Jalan Perusahaan Muara dan dikenakan dengan hukuman kompaun sebanyak \$500.00.

Dalam Dewan yang mulia ini saya sendiri ingin juga mengetahui mengenai tugas-tugas Penguat Kuasa di Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Bandaran. Perlu juga kita menilai semula dengan tugas-tugas dan tanggungjawab Penguat Kuasa bahawa mereka ini berhadapan dengan risiko yang tinggi dan membahayakan kepada Penguat Kuasa iaitu sering diherdik,

dimaki hamun dan adakalanya diugut apabila dijelaskan tugas-tugas penguatkuasaan mereka. Mereka ini bertugas lebih masa dan ada tidak mengira hari-hari mereka bertugas.

Dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mencadangkan supaya pekerja ataupun pegawai-pegawai kakitangan Penguat kuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Bandaran ini akan diberikan pertimbangan untuk mendapatkan Elaun Khas bagi mereka yang bertugas sebagai Penguat Kuasa;

7. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sendiri ingin menyentuh mengenai Pasar Pantai Serasa yang ada pada masa ini yang dilihat dengan tidak membetulkan peraturan-peraturan yang sedia ada pada masa ini. Kaola melihat keadaan nelayan-nelayan yang berniaga di sana bahawa mereka ini tidak ditangani oleh pihak kerajaan.

Walaupun bangunan yang disediakan untuk berniaga tetapi keadaan yang sedemikian tidak bersesuaian kepada nelayan-nelayan yang menjual barang perniagaan mereka seperti ikan. Perkara ini telah pun diusulkan dalam permuzakarahannya baru-baru ini dan saya sendiri ingin menyentuh mengenai perkara ini dalam Dewan yang mulia ini untuk memohon pertimbangan supaya pihak-pihak berkenaan melihat balik kesesuaiannya untuk membawa

peniaga-peniaga ini duduk dalam keselesaan yang terbaik. Saya percaya dengan adanya tempat ini, memang keadaan mereka akan selesa dan memberikan imej yang baik kepada peniaga ikan nanti, insya-Allah.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, yang telah pun mengemukakan beberapa soalan:-

1. Mengenai statistik perkembangan tawaran mendapatkan perkhidmatan domestik dengan harga maksimum B\$1,500.00. Jabatan Buruh telah mengeluarkan tawaran kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk membekalkan pekerja domestik pada harga B\$1,500.00 yang tawaran berkenaan telah pun ditutup pada akhir bulan Disember 2017. Dari tawaran tersebut, kita telah menerima sebanyak 10 buah syarikat yang memberikan tawaran.

Jabatan Buruh telah pun memanggil kesemua syarikat yang ikut serta itu dan mengadakan temu duga. Enam kriteria digunakan untuk menilai syarikat-syarikat berkenaan, antaranya ialah pengalaman, proses dan pengetahuan undang-undang, persediaan syarikat dan akauntabiliti, memenuhi syarat-



syarat utama iaitu setiap kriteria diberikan pemarkahan yang tertentu.

Hasil dari temu duga ini, sebanyak 8 buah syarikat yang berpotensi untuk diberikan lesen agensi pekerjaan bagi membekalkan pekerja domestik pada kadar harga yang ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Buruh sedang dalam proses akhir bagi melantik syarikat-syarikat tersebut tertakluk kepada kecepatan syarikat-syarikat berkenaan melaksanakan keperluan-keperluan tertentu seperti menyediakan premis-premis perniagaan, membuat pembayaran wang cagaran dan seumpamanya.

Syarikat-syarikat ini diberikan tempoh tertentu untuk melaksanakannya. Insya-Allah, Jabatan Buruh akan memberigakan atau memaklumkan kepada orang ramai berkenaan dengan syarikat-syarikat yang akan dilantik melalui media massa.

Dalam pada itu, kementerian juga memohon kerjasama orang ramai untuk terus melaporkan kepada Jabatan Buruh dengan segeranya jika terdapat syarikat-syarikat yang diberikan lesen agensi pekerjaan ini gagal untuk memenuhi syarat-syarat utama yang ditetapkan bagi membolehkan jabatan berkenaan

mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya;

2. Mengenai Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, infrastruktur terpelihara, prasarana yang baik, menjaga imejnya. Apakah tindakan Lembaga Bandaran terhadap infrastruktur bangunan-bangunan yang terbiar?

Lembaga Bandaran boleh menasihatkan tuan-tuan punya bangunan untuk membaik pulih keadaan bangunan-bangunan itu. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, bangunan-bangunan ini adalah di bawah Akta *Building Control* di bawah agensi yang lain, dan bukannya Lembaga Bandaran;

3. Demikian juga tempat letak kereta, ini mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh *ABCi*. Mengenai bengkel-bengkel kereta, sebagaimana yang perhatikan dalam media massa, terdapat tindakan-tindakan perundangan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Bandaran dan juga Jabatan Daerah mengenai perlunya pengusaha-pengusaha syarikat yang mengusahakan bengkel-bengkel kereta yang mematuhi peraturan-peraturan sama ada mereka ini beroperasi dalam Lembaga Bandaran ataupun di luar Lembaga Bandaran bagi memenuhi keperluan-keperluan ataupun syarat-syarat operasi bisnes syarikat berkenaan;

4. Mengenai barang-barang tiruan, kaola memohon maaf ia bukan di bawah bidang kuasa Lembaga Bandaran ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, kementerian melalui kebenaran untuk mereka berniaga, akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang mengawal barang-barang tiruan;
5. Kaola menghargai akan sikap prihatin Yang Berhormat mengenai Penguasa-Penguasa Undang-Undang di Jabatan Lembaga Bandaran dan juga Jabatan-Jabatan Daerah bahawa Yang Berhormat telah mencadangkan supaya diberikan Elaun Khas. Perkara ini sedang diteliti oleh bahagian ataupun jabatan yang berkenaan; dan
6. Mengenai Pasar Pantai Serasa, perkara ini akan kaola jawab kemudian. Setentunya ia di bawah kuasa Daerah Brunei dan Muara, oleh sebab ia terletak di Daerah Brunei Muara, Jabatan Daerah akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Walau bagaimanapun, perkara ini akan kaola maklumkan kemudian.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu kita membincangkan dan membahaskan Jadual Kementerian ini dan ada baiknya perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita

bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mencadangkan supaya mesyuarat pada hari ini ditangguhkan untuk membolehkan kita berehat pada sebelah tengah hari dan persidangan akan kita sambung semula pada pukul 2.30 petang. Sekian

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**